



**UniMAP**

# UCAPTAMA TAHUNAN NAIB CANSOLOR 2009



*Dinamisme Baru, Wajah Baru*

**22 Januari 2009**  
**Dewan Kapitol UniMAP**





**UniMAP**

# **UCAPTAMA TAHUNAN NAIB CANSOLOR 2009**

**“Dinamisme Baru, Wajah Baru”**

**Y. Bhg. Brig. Jen Dato' Prof. Dr. Kamarudin Hussin  
Naib Canselor  
Universiti Malaysia Perlis**

**22 Januari 2009  
Dewan Kapitol UniMAP**



**Y. Bhg. Brig. Jen. Dato' Prof. Dr. Kamarudin Hussin  
Naib Canselor**



## *Dinamisme Baru, Wajah Baru*

Bismillahir-Rahmanir-Rahim

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Para Tetamu Kehormat,  
Timbalan-timbalan Naib Canselor,  
Pegawai-pegawai Utama Universiti,  
Dekan-dekan,  
Ketua-ketua Jabatan,  
Para Pensyarah, Staf, dan  
Mahasiswa UniMAP yang dihormati dan dikasihi sekalian.

### **Mukaddimah**

Sebelum kita melangkah lebih jauh dalam usaha kita mengkritik diri; bermuhasabah untuk menginsafi kekurangan peribadi, mencari kekuatan budi dan pekerti, dan mengembiri sifat mazmumah di dalam diri, marilah kita bersama-sama, dengan hati yang tulus ikhlas dan niat yang tidak sekelumit pun meminta balas, memanjatkan kesyukuran kehadiran Allah s.w.t yang tidak henti-henti meniupkan nikmat rasa kasih-Nya, dan tidak sedetik pun menangguhkan bisikan nikmat rasa sayang-Nya kepada kita semua yang rapuh iman dan rakus tindakan.

Sewajarnya kita secara berterusan mensyukuri setiap zarah nikmat yang dikurniakan-Nya. Biar sekecil mana pun luasnya; biar seringan apa pun beratnya, sebagai hamba-Nya marilah kita bersama-sama rukuk dan sujud kepada Kebesaran-Nya. Sebesar-besar anugerah Allah kepada kita ialah anugerah kekuatan potensi jiwa yang berupaya menyempurnakan pertimbangan akal, menyucikan tingkah emosi dan menyuntik kudrat fizikal supaya kita dapat terus mengabdikan diri di bumi-Nya dengan penuh kesabaran dan ketakwaan. Semoga dengan apa jua kelebihan yang dikurniakan Allah kepada kita dan kekurangan yang kita miliki, Ia akan terus menggolongkan kita ke dalam golongan hamba-Nya yang dikasihi Rasulullah (s.a.w).

Selawat dan salam untuk junjungan besar kita Nabi Muhammad (s.a.w), anggota keluarga, para sahabat dan seluruh umat baginda. Hanya dengan bimbingan dan panduan sunnah Rasulullah (s.a.w) kita dapat mencuci yang cemar, menjernihkan yang keruh dan membetulkan yang salah. Marilah kita bersama-sama bertekad memperbaiki kualiti diri dari sehari ke sehari supaya kita, apabila sampai masanya, dengan mudah digolongkan oleh Yang Maha Berkuasa ke dalam golongan umat Rasul-Nya di dalam syurga yang tiada tara nilai harganya.

Dalam Majlis Ucapnama Tahunan Naib Canselor Universiti Malaysia Perlis ini, seperti yang pernah saya ucapkan dalam tahun sebelum ini, bahawa saya, mewakili pihak pengurusan UniMAP, berhasrat menyalurkan hasrat dan cita-cita, pandangan dan teguran kepada diri saya dan seluruh



## *Dinamisme Baru, Wajah Baru*

warga UniMAP; staf yang saya hormati dan mahasiswa yang saya kasihi. Pada hari ini saya mahu mengulangi kata-kata saya dalam Majlis yang sama pada tahun lalu bahawa medan ini ialah medan bagi saya dan rakan-rakan Pengurusan Utama meletakkan harapan agar setiap kata dan bicara dapat dijadikan asas untuk kita bermuhasabah; tunduk merenung dan mengkritik diri, beriltizam membetulkan setiap gerak yang silap dan salah, mensyukuri setiap langkah kejayaan, dan positif memandang setiap detik yang bakal dilalui pada masa hadapan.

Menggunung harapan saya agar saudara-saudara dapat menjadikan ucaptama ini sebagai ritual yang bermakna. Ritual yang berusaha memberikan gambaran tentang tuntutan dan kendala semasa, hala tuju tercita, dan matlamat bersama. Melaut impian saya agar ritual ini dapat dijadikan landasan untuk kita merobah kebiasaan minda selesa, tingkah bicara biasa, dan tindakan-tindakan yang tenggelam punca. Marilah kita memanfaatkan masa yang dikurniakan Allah ini untuk memperbaharui tekad, semangat, dan sikap agar dapat memenuhi tuntutan agama, bangsa dan negara seluruhnya. Saya berdoa agar Allah membuka pintu hati kita seluas-luasnya dan menguak jendela minda kita selebar-lebarnya supaya akhirnya kita berupaya meraut dan mengukir wajah Universiti ini mengikut cara dan gaya yang kita sepakati bersama.

Izini juga saya, dalam ruang bicara sekali dalam dua belas purnama ini, mengikat tali hati bersama supaya bersama-sama menghulurkan sedekah al-Fatihah khususnya kepada kedua-dua ibu bapa kita, suami/isteri dan anak-anak kita, sanak-saudara dan kaum kerabat kita, para sahabat kita, saudara-saudara seislam kita, sama ada yang masih hidup atau yang telah meninggalkan kita, walau di mana jua mereka berada. Fatihah juga kita titipkan buat al-marhum ayahanda dan al-marhumah bonda D.Y.M.M. Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Al-Marhum Tuanku Syed Putra Jamalullail.

### **Al-Fatihah**

Para hadirin yang dihormati sekalian.

Seperti tahun-tahun sebelumnya, pada awal tahun yang baru bermula, kita mengendong dan menyeret pelbagai cerita dan peristiwa suka duka diri peribadi dan dunia seadanya. Cerita tentang diri sendiri hanya kita yang tahu betapa menguntum senyumannya dan betapa pedih luka yang kita deritai. Peristiwa banjir, tanah runtuh, puting beliung dan kemalangan jalan raya di dalam negara semacam sudah menjadi asam garam dalam kehidupan kita. Mungkin oleh sebab sudah biasa mendengarnya dan tidak terkena pada batang hidung kita, maka peristiwa-peristiwa itu menjadi peristiwa biasa sahaja. Barangkali tidak sedikit pun meninggalkan kesan atau memipiskan pengajaran kepada kita. Barangkali juga, jika peristiwa itu berlaku pada diri kita atau anak-anak kita, barulah kita terngadah.

Pada  
negara kita at  
mengurangkan  
lebih raya at  
tersenarai dal  
raya sama ada  
sambutan bers  
menyebut "sesi  
Allah pun di n  
mengatasi mas  
bencana di dal  
sama ada seca  
atau tidak kom  
tersurat, seolah  
prihatin dan ki  
malang semakin

Hal ya  
semahu-mahuny  
pengaman? Ha  
berlaku. Peristi  
manusia yang b  
melaung dan r  
berlakunya per  
yang berlaku di

Meng  
orang itu, seda  
Lauren), memal  
dengan mengg  
menonton karya  
berhubung deng  
Hadiah Nobel te

Ke ma  
bahawa tiga o  
berprestij itu. K  
Gaza bukan i  
berdemonstrasi



## *Dinamisme Baru, Wajah Baru*

Pada ketika ini saya terfikir bilakah agaknya para regulator, jurutera dan penyelidik di negara kita atau sesiapa sahaja yang berkaitan secara langsung atau tidak langsung berupaya mengurangkan bilangan kawasan yang dilanda banjir, berupaya mengurangkan tanah runtuh di lebuhraya atau di belakang rumah di bandar-bandar utama atau kampung-kampung yang tidak tersenarai dalam kategori yang utama, atau meminimumkan bilangan kematian kemalangan jalan raya sama ada semasa hari-hari perayaan atau di luar waktu kita merayakan hari-hari kebesaran sambutan bersama. Saya menyebut “jurutera” kerana melahirkan jurutera ialah kerja kita. Saya menyebut “sesiapa sahaja yang berkaitan” kerana hati saya bertanya tidak adakah seorang hamba Allah pun di negara kita ini yang berupaya memberikan jalan penyelesaian yang konkrit untuk mengatasi masalah yang sudah menjadi tradisi ini? Yang saya perhatikan, apabila berlaku sesuatu bencana di dalam negara, kita mudah sahaja menuding jari menyalahkan orang lain yang kita labeli sama ada secara tersirat atau tersurat sebagai pihak yang tidak bertanggungjawab, tidak prihatin atau tidak kompeten untuk menangani masalah. Tindakan kita itu, sama ada secara tersirat atau tersurat, seolah-olah mahu memberitahu dunia bahawa kitalah yang bertanggungjawab, kitalah yang prihatin dan kitalah yang kompeten. Jika benar begitu hakikatnya, mengapa peristiwa-peristiwa malang semakin hari semakin menjadi-jadi cabarannya?

Hal yang sama berlaku kepada masyarakat dunia. Apabila Semenanjung Gaza diganyang semahu-mahunya oleh rejim Israel, apa yang kita lakukan? Hantar wang derma? Hantar pasukan pengaman? Hantar bantuan makanan dan ubat-ubatan? Peristiwa di Gaza itu bukan kali pertama berlaku. Peristiwa anak-anak mati bergelimpangan di Shabra dan Shatila kerana kerakusan nafsu manusia yang bernama Ariel Sharon masih segar dalam ingatan. Tetapi, hari ini, kita masih bertempik, melaung dan menunjukkan rasa tidak puas hati di sini. Apakah bedanya kita dahulu, semasa berlakunya peristiwa pembersihan etnik di Bosnia. Apakah bedanya kita hari ini, setelah peristiwa yang berlaku di Gaza yang sudah berminggu-minggu mengganggu?

Mengapa kita menyalahkan rejim Zionis dan rakyat beragama Yahudi sebanyak 14 juta orang itu, sedangkan dalam masa yang sama kita masih mencari baju berjenama Polo (milik Ralph Lauren), memakai Levi's Strauss (milik Levi Strauss), masih *googling* setiap hari (milik Sergey Brin) dengan menggunakan komputer Dell (milik Dell), makan Dunkin Donuts (milik Bill Rosenberg), dan menonton karya Steven Spielberg. Semua mereka ialah Yahudi. Dapatkah kita mengelak daripada berhubung dengan Yahudi, sedangkan dikatakan bahawa 180 orang daripada 696 orang penerima Hadiah Nobel terdiri daripada Yahudi?

Ke mana perginya 1.6 bilion warga dunia yang beragama Islam? Sehingga kini dikatakan bahawa tiga orang sahaja yang beragama Islam yang berjaya memenangi Hadiah Nobel yang berprestij itu. Ke mana hilangnya warga pelbagai agama lain yang jumlahnya lebih banyak? Isu di Gaza bukan isu orang Islam sahaja. Isu ini ialah isu manusia sejagat. Cukupkah sekadar berdemonstrasi di seluruh dunia dan membuat bantahan di PBB? Dapatkah cara memboikot barangan



## *Dinamisme Baru, Wajah Baru*

buatan Amerika menyelesaikan masalah di Gaza? Atau, memadaikah kita berdoa agar Presiden Amerika yang baru, oleh sebab ciri-ciri keturunannya yang pluralistik, dapat menyelesaikan segala ketidakseimbangan dan ketidakadilan yang dialami dunia selama ini. Apakah perubahan yang berlaku pada diri kita dari dulu hingga kini? Atau mungkin, kita tidak berubah atau tidak mungkin berubah atau tidak mahu berubah!

Tuan puan sekalian, saya akur bahawa sebahagian daripada usaha yang kita laksana untuk mengatasi apa jua masalah yang kita hadapi memang wajar dilaksana; sekurang-kurangnya untuk mengisi tuntutan 'berusaha' seperti yang dikehendaki Allah. Tetapi, bilakah kita berupaya, sebagai warga dunia, mengatasi kemelut-kemelut yang menyayat hati sebagai akibat berlakunya pelbagai peristiwa negatif di dalam atau di luar negara, khususnya peristiwa-peristiwa di luar batas manusiawi. Yang saya perhatikan ialah manusia seolah-olah sedang menciptakan paradoksnya sendiri: semakin celik huruf dan berilmu, semakin banyak nyawa yang dikorbankan; semakin banyak perjanjian ekonomi yang ditandatangani, semakin banyak pula kebuluran yang diciptakan; semakin kerap berhubung, semakin gemar bercakaran; dan banyak lagi.

Pada saya, kita kurang belajar daripada sejarah; kita buta akan pengajaran yang dikandungnya. Fenomena ini sama sifatnya dengan sifat segelintir rakyat negara ini apabila mereka mengungkit-ungkit perjanjian yang dimaktubkan di dalam perlembagaan negara. Tidak sudah-sudah kita bercakaran sesama sendiri. Kita lupa akan sejarah datuk nenek menentang Malayan Union; kita alpa akan kontrak bangsa yang dipersetujui oleh pemimpin-pemimpin terdahulu untuk mewujudkan keamanan dan kesejahteraan rakyat seluruhnya; kita memandang sinis Islam sebagai agama rasmi negara, lantas berhujah atas nama hak asasi manusia untuk memperjuangkan hak kebebasan beragama tanpa menghormati sensitiviti umat Islam atau sensitiviti rakyat yang beragama lain. Apabila tersepit, kita bangkitkan isu keistimewaan sesuatu pihak sehingga kita tidak nampak keistimewaan dan kekayaan yang kita nikmati selama ini. Yang lebih memedihkan mata, telinga dan hati ialah apabila ada golongan yang membangkitkan pseudo-isu; yang bukan isu dikatakan dan dijadikan isu supaya dapat menutup kelemahan diri; supaya dapat menjadi jaguh yang menanggung di air keruh.

Pada saya, sebagai warga dunia ilmu, gedung pengetahuan, istana kebenaran dan keadilan, kita tidak sewajarnya terseret ke dalam kancah kerakusan nafsu sarakah yang memualkan. Jangan kerana nafsu diri, kita sanggup menggadaikan keamanan dan kesejahteraan negara yang ada. Jangan kerana kepentingan diri seorang dua yang yang mahu menjadi juara, kita sanggup berlaga hingga terlupa bahawa apa jua yang dilakukan di dunia ini akan dipersoalkan Allah di akhirat kelak. Bukankah lebih baik segala akal yang dikurniakan Allah; segala kudrat yang dipinjamkan Allah; segala kekuatan yang kita miliki dipadukan untuk membina negara? Janganlah hendak menunggu negara menjadi medan sembelih seperti di Gaza baru kita hendak bersatu. Apa gunanya bersatu apabila arang sudah menjadi abu berdebu? Marilah kita mengambil iktibar



daripada bidalan-bidalan orang Cina, India dan Melayu yang berikut:

Dengarilah pandangan hidup orang Cina ini:

***Yu bang xiang zhen, yu weng de li*** atau apabila camar dan kerang bertengkar, sang nelayan yang untung (maksudnya: apabila sesama sendiri saling berkelahi, orang luar yang mendapat faedahnya).

Orang India pula berpendapat:

***Kutram paarkin sutram ilai*** (maksudnya: jika kita asyik menyalahkan orang lain, kita tidak akan mempunyai jiran atau rakan).

Marilah kita mengamalkan bidalan orang Melayu:

***Sedikit dibelah sirih, sehelai dicabik-cabik*** (maksudnya: susah senang dirasakan bersama).

Lantaran sebelum arang menjadi abu, saya menggesa agar UniMAP, sebagai gedung pengetahuan; sebagai istana kebenaran dan keadilan; dan kita sebagai warga dunia ilmu, bangun bertekad untuk terus mempertahankan agama, bangsa dan negara di atas landasan hormat-menghormati sesama manusia tanpa mengira bangsa dan agama. Mari kita bersama-sama berdiri menggenggam semangat dan iltizam untuk mewujudkan bangsa Malaysia yang bersatu padu supaya keamanan dan kesejahteraan negara tidak tempang kerana cacat dan cela. Lantaran, mulai saat dan ketika ini, mari kita warga UniMAP bangun menjadi JUARA perpaduan bangsa dan integrasi kaum. Mulai saat dan ketika ini, saya menggesa agar semua program yang dianjurkan di UniMAP sama ada oleh mahasiswa atau staf hendaklah disertai oleh semua bangsa: Melayu, Cina, India, Kadazan, Murut, Bajau, Senoi atau sesiapa sahaja yang mengakui bahawa dia ialah rakyat Malaysia.

Kata orang India: ***Undu pathal undu waalvu*** (maksudnya: jika bekerjasama kita boleh hidup bahagia).

Berkata orang Cina: ***Si hai yi jia*** atau umpama lautan yang luas diletakkan di dalam sebuah rumah (maksudnya: layani dan hormatilah setiap insan seperti sanak saudara sendiri dan mereka akan memberikan layanan yang sama kepada kita).

Berbidal orang Melayu: ***Tertangkap sama termakan, terlentang sama terminum air*** (maksudnya seia sekata dalam pergaulan).





## *Dinamisme Baru, Wajah Baru*

Selepas ini, setiap aktiviti akademik, penyelidikan, sosial, kebudayaan atau apa jua yang perlu dilaksana dalam suatu pasukan, maka pasukan itu hendaklah dianggotai oleh mahasiswa atau staf berbilang bangsa. Para penyelidik hendaklah memilih anggota pasukannya daripada kalangan penyelidik yang berbilang bangsa. Para pensyarah hendaklah memastikan agar setiap tugas yang perlu dilaksana secara berpasukan, maka pasukan itu mestilah dianggotai mahasiswa yang berbilang bangsa atau etniknya. Para pentadbir mestilah berusaha memikirkan kaedah dan cara untuk melaksana pelbagai aktiviti supaya dianggotai oleh semua bangsa. Jabatan Hal-ehwal Pelajar perlu berfikir secara serius tentang cara melaksana idea murni ini kerana mahasiswa kitalah yang bakal menentukan maju mundurnya negara pada masa akan datang. Selepas ini saya mahu melihat pasukan debat atau pantun kita dianggotai oleh pelbagai bangsa; pasukan penyelidikan kita dianggotai oleh pelbagai bangsa; pasukan kesenian kita dianggotai oleh pelbagai bangsa; pasukan sukan dan olahraga kita dianggotai oleh pelbagai bangsa. Dalam setiap kesempatan yang ada kita mesti melibatkan pelbagai bangsa.

Mengapa? Kerana kita mahu menjadi JUARA perpaduan bangsa. Jika kita boleh bekerjasama dengan rakan-rakan kita dari negara China, Pakistan, Iraq, Iran, Finland, Jerman, mengapa kita tidak berupaya memadukan idea dan tenaga sesama kita meskipun berlainan bangsa, tetapi berkongsi negara yang sama? Sekali lagi saya jelaskan bahawa kita mesti menjadi JUARA perpaduan bangsa. Perpaduan bangsa ialah teras kemakmuran dan kesejahteraan negara. Jika saudara-saudara sayang akan negara, maka dahulukanlah sayang akan bangsa kita yang pluralistik sifatnya. Negara ini tidak akan mencapai statusnya kini tanpa usaha dan komitmen kita bersama. Inilah realiti negara kita. Inilah semangat perlembagaan yang wajib kita hormati bersama. Dan inilah hakikatnya memang ada dalam paradigma ketiga-tiga bangsa utama di negara kita. Marilah kita menjadi rakyat umpama:

***Seliang bagai tebu, serumpun bagai serai*** (maksudnya: orang yang sentiasa bersatu padu).

***Gong cun gong run*** (maksudnya: hidup saling membantu; kemakmuran sama dirasa).

***Kuda vaalthaal koodi nanmai*** (maksudnya: jika kita hidup bersama, kita akan menerima faedah yang banyak).

Saudara-saudara yang saya sayangi sekalian.

Untuk bersaing dengan masyarakat dunia kita mesti berubah; berubah daripada baik menjadi cemerlang, daripada cemerlang menjadi terbilang. Hari ini mesti lebih baik daripada semalam, esok mestilah lebih gemilang daripada hari ini, dan lusa mestilah lebih terbilang daripada hari esok. Dalam konteks organisasi, hari ini mestilah lebih efisien daripada semalam, esok mestilah lebih efektif daripada hari ini, dan lusa mestilah dijadikan contoh oleh kawan dan lawan.



## *Dinamisme Baru, Wajah Baru*

Telah banyak yang telah saya perkatakan dan jelaskan tentang hal ini dalam beberapa siri ucaptama sebelum ini. Telah banyak nilai murni dan konsep penting dalam sesebuah organisasi yang telah saya sentuh dan kupas untuk dikongsi bersama. Saya tidak pasti sama ada kupasan saya itu difahami atau sebaliknya. Jika difahami, setakat mana pula nilai-nilai itu diamalkan. Jika diamalkan, sejauh manakah amalan itu dilaksana secara berterusan. Jika amalan baik dibuat secara berterusan, berapa orangkah yang telah dipengaruhi supaya berubah menjadi menjadi baik atau yang terbaik. Soalan ini dapat disambung-sambungkan tanpa henti. Kesimpulannya sudahkah kita berubah? Sudahkah cara kita melaksana kerja berubah daripada yang terbaik menjadi cemerlang? Sudahkah sikap kita terhadap kerja dan pekerjaan semakin profesional?

Sudahkah inisiatif strategik yang sewajarnya dilaksana dalam tahun 2008 diusahakan? Sudahkah sasaran yang ditetapkan bagi setiap pengukur prestasi dicapai? Jika belum, apa yang perlu dibuat seterusnya? Apakah idea-idea, pendekatan atau teknik baru yang dicetuskan untuk mencapai sasaran yang kita tetapkan bersama? Jika telah tercapai, pencapaian kita itu setarakah dengan pencapaian pesaing-pesaing kita yang berada di dalam negara? Kita mahu menjadi institusi akademik dan penyelidikan yang berdaya saing di persada antarabangsa, tetapi pencapaian semasa kita berdaya saingkah setakat ini? Jika tidak apa lagi yang perlu diubah dan diusahakan? Bagaimana dengan persediaan menghadapi cabaran 2009? Jika sasaran 2008 tidak berjaya dicapai, bagaimana dengan sasaran 2009? Sasaran 2010, mampu dicapainya? Jika kita serius mahu bermuhasabah dan menganggap muhasabah diri itu penting dan menjadi prioriti sepanjang masa, memang banyak pertanyaan yang wajar ditanyakan. Memang banyak persoalan yang wajar dijawab. Dalam sedikit masa lagi, setelah pegawai-pegawai yang bertanggungjawab membekalkan semua data yang berkaitan dengan 54 pengukur prestasi yang kita pilih bersama, maka akan terjawablah persoalan di mana tahap kita dalam tahun 2008.

Bagaimanapun, saudara-saudara sekalian, hidup mesti diteruskan. Pada masa ini saya sedang memikirkan secara serius, di samping beberapa banyak perkara lain, tentang cara baru, gaya baru untuk mengangkat jenama UniMAP ke persada antarabangsa. Saya dan rakan-rakan lain dalam pasukan pengurusan utama secara bersungguh sedang memikirkan cara untuk menjadikan UniMAP berwajah baru supaya sentiasa dilihat dan diyakini oleh semua pemegang taruh sebagai relevan pada masa kini dan berdaya saing pada masa akan datang.

Untuk berwajah baru, kita tidak boleh hanya melakukan sesuatu yang sedang kita lakukan sekarang. Jika kita tidak berubah, maka kita boleh menjangkakan bahawa hasil yang bakal kita peroleh akan tetap sama dengan hasil yang kita ciptakan sebelum ini. Untuk berwajah baru kita tidak boleh melaksana kerja cara biasa. Jika kita melaksana kerja mengikut cara dan teknik biasa yang kita lakukan sebelum ini, maka hasil yang lahir ialah hasil yang biasa sahaja. Jika yang kita buat ialah usaha-usaha yang biasa, dan cara kita melaksananya cara biasa juga, bagaimana kita hendak bersaing?



## *Dinamisme Baru, Wajah Baru*

Kita mesti berubah. Kata berubah ini ialah kata yang cukup bertenaga. Jika tidak bertenaga, lemah makna dan impaknya, masakan Barack Obama memilikinya sebagai motto kempen beliau: **Change: We Can Believe In.** **Winston Churchill** pernah berkata: *To improve is to change; to be perfect is to change often.* **Mohandas Gandhi** pernah menyebut: *You must be the change you wish to see in the world.* **Confucius pula berpendapat bahawa:** *They must often change, who would be constant in happiness or wisdom.* Allah berfirman dalam Surah Ar-Ra'ad ayat 11 yang bermaksud: Sesungguhnya Allah tidak **merobah** keadaan sesuatu kaum sehingga mereka **merobah** keadaan yang ada pada diri mereka sendiri. Petikan-petikan ini menunjukkan bahawa kata berubah; mengubahkan; berobah ialah kata yang masih segar dan amat dihargai oleh manusia sepanjang zaman dalam semua budaya. Kekuatan kata ini semakin menyerlah apabila Allah menuntut supaya manusia mengubahkan nasib mereka. Kita bagaimana?

*Change* atau berubah bermaksud menjadikan sesuatu berbeda; sama ada kita menghasilkan sesuatu yang berbeda, misalnya produk kita (mahasiswa atau penuntut pascasiswazah) yang berbeda (pastinya dengan konotasi makna yang positif; lebih baik) atau melakukan sesuatu dengan cara yang berbeda daripada yang kita lakukan sebelum ini atau berbeda daripada cara yang dilakukan oleh orang lain. Dalam konteks strategi, Michael E. Porter menamainya sebagai *differentiation*. Seingat saya telah banyak yang kita ubahkan sebelum ini. Cara kita melaksana kerja pada peringkat awal penubuhan dahulu telah banyak berubah, sama ada kita sedar atau pun tidak. Saya mengakui bahawa banyak yang telah berubah. Jadi, persoalannya sekarang, apa lagi yang perlu berubah atau diubahkan supaya kita kekal berdaya saing?

Agak sukar menjawab pertanyaan mental saya ini. Lantaran untuk mengisi tuntutan alamiah mental, saya membaca beberapa penulisan. Dalam kesempatan ini saya mahu berkongsi maklumat yang saya baca. Maklumat pertama saya namai sebagai anekdot 1 yang berkaitan dengan biografi seseorang yang saudara-saudara sering sebut. Maklumat kedua saya namai sebagai anekdot 2 yang berkaitan dengan sebuah institusi kecil; lebih kecil daripada UniMAP dalam setengah-setengah perkara. Mari kita gali telaga pengalaman kedua-dua khazanah ilmu ini dengan harapan kita tahu apa yang perlu kita ubahkan pada diri kita dan jenama yang bernama UniMAP.

### **Anekdot 1:**

#### **Siapa Dia, Siapa Kita?<sup>1</sup>**

Para ilmuan dan mahasiswa sekalian.

Tore Frangsmyr menulis "...tiada Swede yang terkenal di seluruh dunia sama ada para wali zaman pertengahan, malah jaguh sukan kontemporari" yang dapat menandingi sumbangannya kepada manusia. Namanya disanjung dan diraikan setiap tahun dan sepanjang zaman selepas kematiannya



## *Dinamisme Baru, Wajah Baru*

pada 10 Disember 1896 di San Remo, Italy. Namun demikian, hamba Allah ini secara relatifnya masih kurang dikenali. Beliau sering digambarkan, mengikut Frangsmyr, sebagai "*...a lonely millionaire who despite his wealth was unhappy or at least deeply melancholic, emotionally attached to his mother, and with a few heart-rending love stories behind him...was clearly unlucky in love...*"

Beliau dilahirkan di ibu negara Sweden, Stockholm pada 21 Oktober 1833. Ayahnya ialah jurutera dan pencipta yang membina jambatan dan bangunan di Stockholm. Kelahiran beliau disambut oleh keruntuhan perniagaan ayahnya sehingga muflis. Kerana kemuflihan, dalam tahun 1837 bapa dan keluarganya berpindah ke Finland dan Russia untuk memulakan kehidupan baru. Untuk membantu keluarga, ibunya membuka kedai runcit, sementara bapanya membuka bengkel mekanikal yang membekalkan peralatan yang diperlukan oleh tentera Russia. Di St. Petersburg, Rusia bapanya berjaya dalam perniagaan, malah berupaya meyakinkan Tsar dan para jeneralnya supaya menggunakan periuk api di dalam air untuk menghalang kapal perang musuh, khususnya Tentera Laut Diraja British daripada mengancam bandar itu. Dalam Crimean War (1853-1856) bapanya menjadi peneroka dalam pengeluaran senjata dan merekabentukkan enjin wap.

Dengan kekayaan yang dimilikinya, bapa tokoh yang dibicarakan berupaya memberikan pendidikan kelas pertama kepada anak-anaknya. Anak-anak tidak dihantarkan ke sekolah, tetapi para guru dan profesor diundang ke rumah. Anak-anak diajar ilmu kemanusiaan termasuk kesusasteraan dan falsafah, sehingga menguasai Swedish, bahasa Rusia, Perancis, Inggeris dan Jerman. Dalam sains tabii, mereka dipandu oleh dua orang profesor bidang kimia yang mengajar mereka ilmu matematik, fizik dan kimia. Tidak hairanlah tokoh yang dibicarakan ini amat meminati ilmu kimia sehingga berupaya mengendali eksperimen kimia; suatu aktiviti yang berjaya menarik minatnya sejak awal lagi. Antara tahun-tahun 1850-1852, tokoh ini berpeluang belajar dengan ahli kimia terkenal, T. Jules Pelouze, profesor di College de France yang membuka makmal latihan persendirian.

Pada masa itulah tokoh ini barangkali mula mengenali bahan letupan yang luar biasa kekuatannya iaitu nitrogliserin. Dalam tahun 1847, di Turin, Ascanio Sobrero penuntut Pelouze dari Itali menemui bahan letupan baru yang dinamainya pyrogliserin (yang kemudiannya dinamai nitrogliserin). Namun, Sobrero berpendapat bahawa meskipun bahan itu mempunyai kuasa letupan yang hebat, tetapi bahan itu sukar dikendali, apatah lagi dihasilkan. Oleh sebab itu, buat seketika, nitrogliserin dilupakan.

Selepas Crimean War berakhir dalam tahun 1856, syarikat bapanya muflis lagi. Keluarga tokoh yang dibicarakan balik ke Sweden, tetapi tokoh ini dan dua orang abangnya kekal di St. Petersburg untuk menstrukturkan perniagaan mereka semula dengan bantuan nasihat oleh para profesor yang menjadi guru mereka. Pada masa itulah si tokoh ini diperingatkan semula tentang nitrogliserin. Dalam tahun 1860, si tokoh melaksana beberapa eksperimen yang berisiko besar, namun berjaya menghasilkan nitrogliserin. Seterusnya beliau mencampurkan nitrogliserin dengan serbuk letupan hitam. Di Stockholm, dalam tahun 1863, hasil kajiannya diberi paten bahan letupan yang



## *Dinamisme Baru, Wajah Baru*

dinamai “minyak letupan.” Ketika itu beliau berumur 30 tahun. Patennya yang pertama menggalakkan lagi usahanya sehingga mendapat paten yang kedua setelah menggunakan suatu kaedah yang lebih mudah untuk mengeluarkan nitrogliserin. Semangat dan keyakinan dirinya dalam usaha mengendali beberapa eksperimen awal dan kejayaannya memperoleh dua paten akhirnya membentuk jati dirinya yang lebih menyerlah. Beliau pernah menulis: “*I am the first to have brought these subjects from the area of science to that of industry*” sehingga beliau berjaya memperoleh pinjaman yang lumayan daripada bank di Perancis.

Kejayaan beliau kemudiannya diselangi kegagalan yang meragut nyawa abangnya dan empat orang pekerja di kilang mereka. Namun, beliau tidak berputus asa tambahan pula permintaan terhadap minyak letupan yang dikeluarkannya semakin banyak, khususnya permintaan oleh Swedish State Railways untuk membina Soder Tunnel di Stockholm. Dalam tahun 1866 beliau ke Amerika, meskipun berhadapan dengan birokrasi politik dan putar-belit rakan kongsi, akhirnya beliau berjaya mendapatkan paten bagi produk yang sama di negara itu.

Semasa di Amerika, kilangnya di Jerman meletup. Dia pergi ke Jerman untuk membersihkan kawasan letupan untuk membina kilang yang baru. Dalam masa yang sama beliau meneruskan eksperimen untuk menghasilkan nitrogliserin baru yang mudah dikendali. Beliau berjaya dalam eksperimennya dan akhirnya membawa beliau menciptakan suatu bahan letupan yang dinamainya *dynamite*. Dalam tahun 1867 *dynamitenya* diberi paten di beberapa negara, khususnya Britain, Sweden dan Amerika Syarikat. Dalam masa yang sama projek-projek infrastruktur seperti landasan keretapi, pelabuhan, jambatan, jalan raya dan terowong meningkatkan permintaan terhadap bahan letupan. *Dynamite* adalah antara bahan yang amat penting dalam pembinaan terowong St. Gotthard yang melalui Banjaran Swiss dalam tahun 1870.

Dalam tahun 1868, tokoh yang dibicarakan Alfred Nobel dan bapanya Immanuel Nobel dianugerahi Lettersteadt Prize oleh Royal Swedish Academy of Sciences kerana menghasilkan *dynamite* yang dianggap sebagai “...*important discoveries of practical value to humanity*.”

Pada umurnya 30 tahun, Alfred Nobel mendapat patennya yang pertama. Sepuluh tahun selepas itu beliau menemui *dynamite*, suatu penemuan yang hebat, sehingga beliau berupaya membina empayar industrinya di seluruh dunia dan menjadi kaya-raya. Seterusnya beliau meneroka produk baru dalam pembangunan teknologi bahan letupan hingga menemui khususnya gelatin letupan dan *ballistite* hinggalah menciptakan bahan kimia, termasuk bahan seperti getah dan kulit sintetik, sutera tiruan dan sebagainya. Sehingga beliau menemui ajal dalam tahun 1896, Alfred Nobel mempunyai 355 paten.

Kualiti Nobel yang luar biasa, menurut Frangsmyr, ialah keserbabolehannya atau *versatility* yang dimilikinya. Beliau ialah pencipta, industrialis dan pentadbir. Beliau mendapatkan dan mengawal hak-hak patennya, membangunkan produk, memperbadankan syarikat baru, dan mengendali perniagaan dengan dunia luar dengan menggunakan lima bahasa tanpa bantuan



## *Dinamisme Baru, Wajah Baru*

setiausaha atau pembantu peribadi dan bantuan telefon (telefon pejabat atau telefon bimbit) atau mesin faksimili. Beliau kerap berkelana niaga di luar negara, tetapi tidak menaiki kapal terbang. Beliau memilih menaiki keretapi atau bot (kerana kapal terbang belum tercipta). Apabila kilangnya meletup beliau terpaksa berhadapan dengan kempen-kempen publisiti yang negatif, dan dalam masa yang sama membongkar rahsia rakan-rakan niaga yang penuh dengan putar-belit. Semuanya dilaksana beliau secara sendirian. Sebagai tambahan kepada bebanan yang perlu dipikulnya sendirian, beliau sering tidak sihat. Beliau selalu mengadu mengalami migrain, rheumatism dan perut yang sering meragam. Kehidupannya sentiasa sibuk dan sentiasa dirundung stres. Namun, apa jua yang terpaksa dihadapinya, beliau berjaya mengurus segalanya dengan baik.

Dalam kesibukannya membuat eksperimen (beliau mempunyai kelengkapan makmal di semua rumah yang dimilikinya), menciptakan produk baru, mengendali syarikat-syarikatnya di beberapa buah negara (sepanjang hayatnya Nobel memiliki kilang dan makmal di 90 lokasi di 20 buah negara) dan berhadapan dengan beberapa banyak kerenah perniagaan, pentadbiran dan manusia, beliau sempat juga menulis beberapa banyak sajak dan drama, dan turut amat tertarik dengan isu-isu falsafah. Dalam dokumen-dokumen peribadinya ditemui catatan dan komen beliau tentang penulisan Plato, Aristotle, Democritus, Descartes, Spinoza, Newton, Darwin, Haeckel, Voltaire, Locke dan von Humboldt. Isu falsafah yang diminatinya ialah teori ilmu pengetahuan.

Pernah sekali dalam kehidupannya beliau mencuba mendapatkan pembantu kerana pada umur 43 tahun beliau merasai bahawa dirinya sudah terlalu tua dan berjaya mendapatkan calon yang terbaik mengikut kriteria yang disediakannya. Bertha Kinsky pernah bekerja dengan beliau sebagai setiausaha dan penyelia rumah tangga, tetapi buat seketika sahaja kerana Kinsky terpaksa pulang ke Austria untuk menjadi permaisuri kepada Count Arthur von Suttner. Melalui perkenalan yang singkat itulah Countess Bertha Kinsky dan Nobel meneruskan persahabatan dan sering mengutus surat yang di dalamnya terkandung isu-isu keamanan yang mempengaruhi Nobel. Dalam tahun 1905, Nobel Peace Prize dianugerahkan kepada Countess Bertha Kinsky iaitu sembilan tahun selepas kematian Alfred Nobel.

Frangsmyr memberikan komennya tentang Nobel dengan menulis, "*He derived intellectual pleasure from literature, while science built the foundation for his own activities as a technological researcher and inventor.*" Jika Frangsmyr mengatakan bahawa kualiti luar biasa Nobel ialah keserbabolehannya, Ringertz pula menulis, "*Albert Nobel's greatness lay in his ability to combine the penetrating mind of the scientist and inventor with the forward-looking dynamism of the industrialist,*" di samping perbauran minatnya kepada kesusasteraan dan falsafah di samping komitmennya kepada keamanan sejagat.

Pada 27 November 1895, Nobel menandatangani wasiat terakhirnya di Swedish-Norwegian Club di Paris, meskipun wasiat itu tidak disenangi oleh saudara-maranya sehingga dibawa ke mahkamah. Namun, wasiat, yang ditulis dalam hanya satu muka surat, yang terkandung di



## *Dinamisme Baru, Wajah Baru*

dalamnya kehendak dan deklarasi Nobel untuk menyumbangkan keseluruhan hartanya sebagai derma dalam bentuk "...prizes to those who, during the preceeding year, shall have conferred the greatest benefit to mankind." Sehingga kini Nobel Laureates dikategorikan kepada Nobel Prize dalam Fizik, Kimia, Fisiologi atau Perubatan, Kesusasteraan dan Keamanan. Nobel Memorial Prize dalam Sains Ekonomi diperkenalkan dalam tahun 1968 oleh Sveriges Riksbank, bank pusat Sweden, kepada penyumbang dalam bidang ekonomi.

Nobel Prize ini disampaikan kepada penerima di Stockholm dalam upacara tahunan pada 10 Disember sejak 1901 demi memperingati hari kematian Alfred Nobel.

### **Anekdot 2:**

#### **Di Sana Mereka, Di Mana Kita?<sup>2</sup>**

Saudara-saudara warga UniMAP yang dihormati.

Pada tahun 1891 Throop University ditubuhkan. Namanya dipilih sempena nama pengasasnya Amos Throop, seorang ahli perniagaan dan politik yang kaya-raya. Pada tahun 1983, namanya ditukarkan menjadi Throop Polytechnic Institute. Dalam masa 15 tahun pertamanya institut ini memberikan perkhidmatan kepada komunitinya dengan menawarkan pelbagai kursus: sastera, kraf, hingga zoologi dengan penekanan pada aspek latihan vokasional.

Pada tahun 1906, Troop mula mencari arah baru bagi institusinya. Dalam usaha mencapai hasratnya itu, beliau memikat George Ellery Hale, ahli astronomi solar dari University of Chicago yang juga merupakan pengasas dan pengarah pertama Mount Wilson Observatory, untuk membantu beliau menggilap nama institutnya. Ternyata Hale, saintis yang sekian lama bergelumang dengan dunia pendidikan, senibina dan idea-idea siviknya, berupaya mentransformasikan Throop Polytechnic Institute setelah dilantik sebagai anggota Lembaga Pemegang Amanah dalam tahun 1907.

Tidak lama selepas pelantikannya Hale membawa masuk James A. B. Scherer, ilmuan persuratan yang tidak mendapat pendidikan dalam bidang sains tetapi berkeupayaan sebagai pentadbir dan pengumpul dana, sebagai presiden dalam tahun 1908. Di samping itu, Hale berjaya meyakinkan para pegawai institut itu supaya menggugurkan kursus-kursus yang sedang ditawarkan. Sebagai ganti beliau mencadangkan supaya institut itu memberikan tumpuan pada pengembangan dan pembangunan kursus-kursus dalam jurusan sains dan kejuruteraan. Scherer berjaya meyakinkan ahli perniagaan yang telah bersara, Charles W. Gates untuk mendermakan USD25,000 sebagai *seed money* untuk membina Gates Laboratory, bangunan sains yang pertama di kampus itu. Dalam tahun 1913 nama Throop Polytechnic Institute ditukarkan pula menjadi Throop College of Technology (nama ketiga yang diberikan kepada institusi ini).



## *Dinamisme Baru, Wajah Baru*

Dengan menjanjikan pembinaan makmal, Hale kemudiannya berjaya menarik masuk Arthur A. Noyes, mantan presiden MIT yang juga ahli kimia fizikal ulung Amerika pada masa itu, untuk menyertainya. Tidak lama selepas itu, Arther Fleming, yang mendermakan sebidang tanah untuk dijadikan tapak kampus tetap kolej itu, mendermakan pula sebanyak USD100,000 untuk membina Norman Bridge Laboratory yang menyediakan kemudahan penyelidikan dalam bidang Fizik. Makmal itulah yang berjaya memikat hati ahli fizik eksperimental, Robert A. Millikan dalam tahun 1917 untuk membantu menubuhkan kolej kecil itu sebagai pusat sains dan teknologi.

Dalam perang Dunia Pertama, Hale mengurus National Research Council (NRC) dan menyelaraskan serta menyangga kerja-kerja penyelidikan sains yang berkaitan dengan masalah ketenteraan dengan bantuan Noyes dan Millikan. Dalam masa yang sama Hale secara berterusan melobi kerajaan dan ahli perniagaan supaya meningkatkan peruntukan dan sumbangan untuk menambahkan geran penyelidikan.

Di bawah kepemimpinan ketiga-tiga saintis inilah Throop College of Technology diberi nama baru iaitu California Institute of Technology (Caltech) dalam tahun 1920 dan mula mendapat perhatian di Amerika. Dalam tahun 1920-1925 Caltech hanyalah suatu pusat pengajian sains fizikal bagi mahasiswa praijazah dan penuntut pascasiswazah yang menawarkan program dalam bidang fizik, kimia dan kejuruteraan. Program geologi diperkenalkan dalam tahun 1925, aeronautik dalam tahun 1926, biologi dan matematik dalam tahun 1928. Program fizik menjadi program utama Caltech sejak awal lagi.

Millikan menggerakkan program ilmunan tamu sebaik sahaja dilantik mengetuai Norman Bridge Laboratory. Dengan kehadiran beberapa banyak ilmunan dan saintis tersohor Amerika pada ketika itu Caltech berjaya menghasilkan beberapa banyak penyelidikan seperti genetik *Drosophila* dan biokimia vitamin dalam bidang biologi, teori *turbulence* dan reka bentuk sayap kapal terbang dalam bidang aeronautik; terapi barah yang menggunakan radiasi dan radioaktiviti jujuk cahaya dalam bidang nuklear fizik hingga hakisan tanah dan pengaliran air dari Sungai Colorado ke Los Angeles dalam bidang kejuruteraan; daripada aplikasi mekanik kuantum ke struktur molekular dalam bidang kimia, hingga mengenalkan skala magnitud dalam bidang seismologi. Di samping itu, Caltech turut terlibat dalam kajian-kajian yang melibatkan roket, *proximity fuses*, selain daripada menubuhkan Jet Propulsion Laboratory dengan bantuan Theodore von Karman, setelah pusat pengajian aeronautik ditubuhkan dalam tahun 1926, sehingga menjadikan Caltech satu daripada pusat sains roket dunia. Untuk menjayakan penyelidikan dan pembangunan yang berkaitan dengan peperangan, Caltech, pada masa itu, memperoleh dana yang bernilai USD80 juta daripada kerajaan persekutuan.

Di bawah kepemimpinan Hale, Noyes dan Millikan jugalah (di samping dibantu oleh pertumbuhan ekonomi Selatan California yang melonjak-lambung (*booming*)), dalam tahun 1925 jabatan geologi ditubuhkan, dan setelah itu diikuti pula oleh penubuhan bahagian kemanusiaan dan





## *Dinamisme Baru, Wajah Baru*

sains sosial setelah William Bennett Munro, yang pada ketika itu pengerusi bahagian History, Government, and Economics di Harvard University menyertai mereka. Dalam tahun 1928, bahagian biologi ditubuhkan dan dipimpin oleh Thomas Hunt Morgan, biologis paling tersohor di U.S.A. pada masa itu kerana penemuan peranan gen dan kromosom dalam keturunan. Dalam tahun 1930 Kerckhoff Marine Laboratory didirikan dan dipimpin oleh Profesor George MacGinitie. Millikan yang berkhidmat sebagai Presiden Caltech dari 1921 hingga 1945 (selama 24 tahun) telah meninggalkan impak dan pengaruh yang cukup mendalam dalam dunia ilmu, akademik dan penyelidikan di Caltech khususnya dan di USA amnya sehinggakan wujud nama jolokan "Millikan's School."

Tiga puluh tahun selepas itu, setelah tamat Peperangan Dunia Ke-2 dan berakhirnya era kepemimpinan Hale, Noyes dan Millikan, Caltech dipimpin pula oleh ahli fizik Lee Alvin DuBridge dan Robert Bacher. DuBridge, mantan ketua projek radar Massachusetts Institute of Technology dalam zaman perang dilantik sebagai presiden dalam tahun 1946 (pada masa yang sama datuk nenek kita sedang 'berperang' dengan gagasan Malayan Union), sementara Bacher pula ialah mantan ketua projek bom atom yang dinamai Projek 'G' Division (huruf G itu mewakili kata *gadgets*) di Los Alamos. Beliau, yang mula berkhidmat di Caltech dalam tahun 1949, mengetuai bahagian fizik, matematik dan astronomi sebagai provos pertama.

Semasa perkhidmatan DuBridge (1946-1969), bilangan anggota fakulti Caltech bertambah dua kali ganda, saiz kampus meningkat tiga kali ganda, dan bidang penyelidikan yang baru mula berkembang, termasuk biologi kimia, sains planetari, astrofizik nuklear, dan geokimia. Dalam tahun 1948 beliau membina teleskop 200 inchi, teleskop optikal yang paling canggih di dunia dalam jangka masa 40 tahun, di Palomar Mountain.

Sementara DuBridge membina empayar ilmu dalam bidangnya, Bacher membina semula jabatan fizik bermula dengan penyelidikan dalam bidang fizik zarah bertenaga tinggi, yang tidak mendapat perhatian sesiapa pada masa itu, dalam tahun 1949, kecuali diusahakan oleh Carl Anderson dan para penuntutnya termasuk Donald Glaser, Nobel Laureate. Selepas itu Bacher menggerakkan usaha pembinaan dan penggunaan aselarator elektron baru untuk menghasilkan zarah bertenaga tinggi mereka sendiri. Pengajian dan penyelidikan fizik teoritikal, yang dianaktirikan oleh Millikan, memasuki zaman keemasannya apabila Bacher berjaya memujuk Richard Feynman dan Murray Gell-Mann bergabung dengan mereka di Caltech. Kedua-dua tokoh saintis ini terkenal hingga kini kerana mengasaskan "Standard Model" bagi fizik zarah.

Hari ini dengan motto "The Truth Shall Make You Free," Caltech (sehingga 2 Januari 2009) kekal sebagai universiti berfokus yang kecil dengan dimeriahkan oleh sekitar 900 orang mahasiswa praijazah, 1,300 orang penuntut pascasiswazah, dan lebih daripada 1,000 orang anggota fakulti (termasuk 293 orang profesor, 104 orang profesor emiritus, 66 orang anggota fakulti tetap yang hanya membuat kerja-kerja penyelidikan, 87 orang pensyarah tamu, dan lebih daripada 500 orang ilmuan pascadoktoral). Pada tahun lalu Caltech berjaya menyiapkan 238kW *solar array* yang



## *Dinamisme Baru, Wajah Baru*

diunjurkan dapat menghasilkan sekitar 320,000kWh dalam tahun ini.

Sehingga tahun 2006, universiti yang kecil ini telah mempunyai 32 Nobel Laureates yang dikaitkan dengannya. Bilangan ini termasuk 17 orang anggota alumnyanya, 14 orang yang bukan alumni profesor, dan empat orang profesor yang juga alumni iaitu Carl D. Anderson, Linus Pauling, William A. Fowler, dan Edward B. Lewis. Linus Pauling menerima dua Hadiah Nobel, satu dalam bidang Kimia dan satu lagi dalam bidang Keamanan. Dengan bilangan keseluruhan alumni sekitar 25,000 orang, lebih daripada seorang daripada 1,400 orang ialah penerima Nobel Prize suatu nisbah yang tidak tertanding oleh mana-mana universiti. Lima orang tenaga fakulti dan alumnyanya pernah menerima Crafoord Prize daripada Royal Sweedish Academy of Sciences, sementara 49 orang lagi pernah dianugerahi U.S. National Medal of Science, dan 10 orang menerima National Medal of Technology. Antara penyelidik tersohor yang dikaitkan dengan Caltech kerana berkhidmat sebagai ilmun pascadoktoral ialah Barbara McClintock, James D. Watson, dan Sheldon Glashow atau sebagai profesor pelawat ialah Albert Einstein dan Edward Witten.

Dalam tahun 2009, mengikut survei yang dilaksana oleh U.S. News & World Report, Caltech merupakan universiti keenam terbaik di U.S.A.. Mengikut THES QS World University Rankings 2008, Caltech menduduki tempat kelima, dan di tempat keenam dalam Academic Ranking of World Universities 2006. Selain daripada ketersohorannya dalam bidang akademik dan penyelidikan, mahasiswa Caltech turut aktif dalam pelbagai jenis sukan. Seorang daripada jurulatih kehormatannya dalam sukan bola keranjang ialah Dr. Robert Grubbs, Nobel Laureate dalam bidang Kimia bagi tahun 2005.

Saudara-saudara pembina bangsa dan negara.

Biografi Alfred Nobel dan sejarah ringkas Caltech yang dibaca sewajarnya dapat memberikan gambaran yang mendalam tentang jurang antara diri kita dengan Nobel dan antara UniMAP dengan Caltech. Pada hari ini jika kita berasa bahawa kita hebat dengan jawatan tinggi di universiti, bandingkanlah diri dengan Nobel. Berapa jauhkah jurangnya? Hari ini jika kita mula berasa bangga dengan UniMAP, banding-bedakanlah dengan Caltech. Mungkin saudara-saudara terfikir: bandingkanlah enggang dengan enggang; epal dengan epal. Nobel dilahirkan dalam keluarga yang kaya-raya, mendapat pendidikan kelas pertama; kita anak petani, pesawah dan peniaga kedai runcit di hujung kampung. Caltech sudah wujud 118 tahun; UniMAP baru hendak masuk tujuh tahun. Daripada sudut hujah itu, saya bersetuju dengan saudara. Tetapi mengapa jutawan-jutawan di Malaysia tidak melahirkan Nobel Laureate? Benar kita anak pesawah, tetapi ayah kita tidak pernah muflis. Ibu Nobel, Andriette, isteri jutawan yang muflis sanggup membuka kedai runcit untuk menampung kos hidup setelah suaminya muflis. Kita tidak pernah kehausan cinta; tiada apa yang kita miliki dan sayangi yang meletup dan terbakar seperti yang dialami Alfred, tetapi Alfred semakin



## *Dinamisme Baru, Wajah Baru*

bertenaga setelah berhadapan dengan dugaan Allah sejak umur mudanya.

Bukan kejutawanan, kemuflihan atau kehausan cinta yang hendak saya ketengahkan di sini, tetapi sikap Immanuel, Andriette dan Alfred Nobel yang tidak mudah patah semangat, berdaya tahan dan berdaya juang yang amat tinggi semasa berhadapan dengan cabaran kehidupan mereka yang melankolik. Bukan cerita kehebatan Caltech, yang sukar ditandingi itu, yang mahu kita kongsi dan kagumi, tetapi strategi para pemilik dan para pemimpinnya yang perlu kita pelajari. Jika Caltech sudah wujud 118 tahun dan sukar disaingi, mungkinkah UniMAP 111 tahun dari hari ini dapat melahirkan 32 orang Nobel Laureate? Saya percaya bahawa sesuatu yang hidup perlu bermula dari kecil, tetapi dapatkah UniMAP berkembang menjadi sebesar dan sehebat Caltech dalam jangka masa yang sama? Inilah antara cabaran-cabaran utama yang perlu kita renungi bersama pada hari ritual tahunan ini.

Pada pandangan saya, cabaran yang paling utama ialah mengubah sikap manusia (cara berfikir, cara merasa, cara bertindak dan cara bertingkah laku), dan kedua ialah strategi yang betul, tepat dan berkesan. Benarlah bahawa sesuatu yang besar bermula dari kecil, lantaran kita jangan terlepas pandang bahawa sejarah masa depan itu bermula dari hari ini. Di UniMAP sejarah itu telah bermula sejak 16 Februari 2002. Namun, jika sikap kita tidak berubah; cara kita bekerja tidak diubah; cara melihat dunia dan persaingan tidak berubah-ubah; berilah 1,000 tahun lagi, saya pasti kita tidak akan berdaya saing, dan UniMAP tidak akan menjadi seperti apa yang kita idami, kecuali dengan Kuasa Allah Yang Maha Berkuasa. Namun, perlu diingati bahawa Allah tidak akan merobah nasib sesuatu kaum, selagi kaum itu tidak merobah nasib mereka sendiri.

Saudara-saudara yang dikasihi, pada hemat saya, wajah UniMAP tidak akan berubah; tidak akan berjaya diperbaharui; tidak akan berwajah baru tanpa dinamisme baru. Dinamisme baru para anggota yang mendokongnya menjadi prasyarat untuk UniMAP beroleh wajah baru.

William Arthur Ward (ilmuan, penulis, editor, menteri dan guru di Amerika) pernah berkata: "*Vow to be valiant; Resolve to be radiant; Determine to be **dynamic**; Strive to be sincere and Aspire to be attuned.*"

Herman Kahn (Saintis Amerika) pernah menyebut: "*Projecting a persuasive image of a desirable and practical future is extremely important to high morale, **to dynamism**, to consensus, and in general to help the wheels of society turn smoothly.*"

Isaac Asimov (saintis Amerika) berkata: "*It takes more than capital to swing business. You've got to have the A. I. D. degree to get by - Advertising, Initiative, and **Dynamics**.*"

Dalam bahasa Inggeris, *dynamic*; *dynamism* atau akronimnya *vigor*; *vigorous* bermaksud *strength or energy of body or mind; active power; might; often, an unusual degree of strength or energy; capacity of exercising an influence or producing an effect; especially, power to persuade, or convince, or impose obligation; pertinency; validity; special signification; as, the force of an appeal, an argument, a contract, or a term.*



## *Dinamisme Baru, Wajah Baru*

Begitulah bertenaganya makna kata dinamik; dinamisme yang saya pilih sebagai tema ucaptama kali ini. Kata dinamik dan dinamisme itu melambangkan tindakan; pergerakan; atau pengaruh yang amat bertenaga (*forceful, powerful, super-sensible*); sentiasa berubah ke arah yang positif; memberikan impak; laju, pantas (*high velocity*); tahan lama; fleksibel; dan bersungguh-sungguh. Jika dikaitkan dengan tumbuh-tumbuhan, dinamisme merujuk kesuburan dan kecepatan tumbuh-tumbuhan itu membiak. Jika dikaitkan dengan manusia, dinamisme merujuk ciri-ciri luar biasa aspek kekuatan fizikal dan mentalnya; luar biasa pergerakan dan tindakannya. Dan, inilah sifat dan ciri staf yang mampu merobah wajah UniMAP jika benar-benar mahu menjadi seperti Alfred Nobel atau mahu menjadikan UniMAP seperti Caltech.

Saya tidak sangsi bahawa Rasulullah (s.a.w.) lebih hebat daripada Alfred Nobel. Persoalannya, siapakah agaknya dalam kalangan kita yang mempunyai sifat dan ciri positif ini? Usahlah memandang orang lain. Tanyalah diri dan bermuhasabahlah.

Para hadirin yang dihormati sekalian.

Sebelum kita bersurai, izini saya menyambungkan ucaptama ini sedikit lagi supaya terluah habis hasrat di alam jiwa; cita-cita di sudut kalbu; harapan di benak hati; dan impian di ruang minda. Untuk maju; untuk terus progresif; untuk menjana dinamisme baru; dan untuk melakar wajah baru; kita berhadapan dengan 1001 satu macam cabaran. Namun, pada saya, jika kita bersungguh-sungguh mahu menjadikan UniMAP seperti Caltech, kita perlu serius dan bersungguh menangani cabaran-cabaran itu dengan komitmen jiwa, akal, perasaan, dan fizikal yang kental supaya segala usaha kita tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas. Antara cabaran-cabaran yang ternampak oleh mata akal dan jiwa saya ialah yang berikut:

### **Cabaran pertama: Mendidik dan melahirkan insan tersohor yang dinamik**

Insan yang saya maksudkan ialah diri kita, semua staf dan anak didik kita. Pada hari ini kita sudah mempunyai lebih daripada 1,200 orang staf; lebih daripada 300 orang pensyarah dan lebih daripada 4,000 orang mahasiswa dan penuntut pascasiswazah; dan lebih daripada 50 orang penuntut dari luar negara. Kita perlu menggandakan usaha untuk mencari kaedah, cara, teknik dan taktik atau apa sahaja usaha yang dapat meningkatkan nilai insan diri kita; nilai insan staf kita; nilai insan mahasiswa dan penuntut kita, dan nilai insan bangsa dan masyarakat kita. Saya pernah memetik pandangan Syed Hossein Nasr tentang ciri-ciri insan kamil yang didambakan seperti yang ditunjukkan oleh Rasulullah (s.a.w.).

Teruskanlah usaha menelaah, mengamalkan, dan mengajarkan setiap kata dan makna yang mendokong konsep insan kamil. Sedarlah bahawa sebagai pendidik, inilah asam, garam dan belanga



## *Dinamisme Baru, Wajah Baru*

atau *bread and butter* kita. Sedarlah bahawa sesiapa pun yang bekerja di institusi pendidikan tidak terlepas daripada tanggungjawab menjadi contoh kepada anak didik. Sedarlah bahawa sesiapa pun yang mengakui keimanannya seperti yang dicontohkan Rasulullah (s.a.w) adalah tidak terlepas daripada menjadi pemimpin. Pemimpin wajib memiliki minda, emosi, tingkah laku dan cara bertindak yang kamil.

Di samping dijadikan amalan di rumah, atau di pejabat, atau di mana-mana sahaja kita berada, kita perlu berkongsi pengalaman tentang kaedah, cara dan teknik untuk menjernihkan cara berfikir anak-anak kita dan anak didik kita; supaya lebih altruistik, humanistik, positif, futuristik, analitis, kritis, kreatif, inovatif dan berdaya saing. Kita perlu mencuba melahirkan insan kamil, meskipun tidak setinggi darjat Rasulullah (s.a.w.), anbiya' dan para sahabatnya. Kita perlu mendidik emosi kita dan emosi mereka supaya lebih subur dengan nilai empati, bersemangat, tidak mudah berputus asa, berdaya tahan, tidak mudah patah hati dan semangat, pemurah, penyayang, subur dengan cinta, dan yang paling utama ialah keikhlasan dan ketaqwaan. Kita perlu mengamalkan dan mengajarkan anak didik kita supaya mesra dalam tingkah laku; mesra dengan sesiapa sahaja: mesra ibu bapa, mesra isteri/suami, mesra anak, mesra keluarga, mesra pelajar, mesra staf, mesra ketua, mesra pemimpin, dan yang utama ialah mesra Allah dan Rasul-Nya. Kita perlu mengamalkan dan mengajarkan diri dan anak didik dan masyarakat kita cara bertindak yang progresif, proaktif, tangkas, versatil, cekap dan berkesan, sama ada di rumah, di pejabat atau dalam persatuan tanpa mengira apa jua pangkat yang disandang. Inilah cabaran yang perlu kita hadapi dalam usaha melahirkan insan tersohor. Dan inilah pengajaran yang saya peroleh setelah menelaah sirah Rasulullah, dan membaca biografi ringkas Alfred Nobel.

Jika anak-anak didik kita memiliki semua sifat ini usahlah kita risau lagi tentang kompetensi atau kecekapannya, kemahirannya, kebolehpasaran atau nilai keusahawanannya. Jika dalam empat bulan pertama tahun ini kadar kebolehpasaran siswazah kita yang bergraduat dalam tahun 2008 sudah melebihi 62%, saya yakin dengan memiliki nilai insan tersohor, peratusan itu tidak akan menjadi isu tahunan lagi.

Di UniMAP, sikap versatil atau serba boleh, seperti yang ditunjukkan oleh Alfred Nobel, amat dipandang tinggi. Semua ketua jabatan perlu mengasah dan mendidik staf supaya memiliki keterbukaan dalam usaha mengamalkan sikap versatil. Dekan dan ketua jabatan mesti menjadi staf yang versatil terlebih dahulu dan sentiasa turun padang. Kita tidak mahu seorang pemimpin pun dalam kalangan kita di semua peringkat hanya tahu, pandai dan cekap 'membuat dengan mulut,' 'bekerja dengan mata,' dan 'melaksana kerja dengan jari telunjuk.' Kita tidak mahu sumber tenaga dan modal insan yang membina UniMAP dibazirkan tanpa kerja. Kita perlu mengingatkan semua staf bahawa setiap zarah rezeki yang diberikan Allah akan ditimbangannya dengan idea dan tenaga yang dikeluarkan semasa bekerja. Kalau bersukan, misalnya, bukan bermakna kerja boleh diabaikan. Semasa tidak bersukan, jika tiada kerja yang diberikan, carilah sendiri apa jua kerja yang wajar



## *Dinamisme Baru, Wajah Baru*

dilaksana untuk menambahbaik pencapaian organisasi atau buat apa sahaja yang dapat mendatangkan manfaat kepada organisasi. Biarlah rezeki yang kita terima itu halal nilainya di sisi manusia dan apatah lagi di sisi Allah. Jika tidak tahu membuat kerja, mohon daripada ketua jabatan untuk menambahkan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang kerja masing-masing. Sementara ketua-ketua jabatan perlu meluangkan sedikit masa untuk membuat analisis jurang kompetensi staf masing-masing supaya tidak berlaku pengangguran tidak ketara dan pembaziran di UniMAP. Sehubungan dengan ini saya amat berharap agar selepas ini UniMAP mempunyai polisi modal insannya yang tersendiri yang dapat menentutetapkan jenis-jenis kursus yang wajib dihadiri oleh semua staf mengikut jawatan dan keperluan. Misalnya, saya telah meminta supaya semua staf akademik menghadiri kursus kaunseling dan kursus keusahawanan. Kita perlu melaksana program 7 *pillars* untuk staf akademik dan semua staf pentadbiran dan sokongan untuk meningkatkan kompetensi dan kemahiran dalam bidang kerja masing-masing. Dengan cara ini saya yakin kita akan dapat meningkatkan kompetensi kita.

Kita tidak mahu lagi ada kerani dan pegawai tadbir yang tidak tahu, misalnya, menulis minit mesyuarat dan lambat mengeluarkan minit mesyuarat. Apa gunanya minit mesyuarat yang sewajarnya diedarkan dalam tempoh tiga hari, tetapi dikeluarkan pada hari mesyuarat? Jika ini yang berlaku bilakah agaknya tindakan-tindakan yang dicadangkan oleh mesyuarat sebelumnya perlu dilaksana? Ini semua pembaziran. Latihan kemahiran adalah penting. Oleh sebab itu kita mencuba sedaya-upaya menyediakan segala peralatan dan mesin, contohnya, yang menyamai peralatan dan mesin di kilang-kilang supaya para mahasiswa kita dapat meningkatkan kemahiran; dan tidak memerlukan *retooling* apabila memijak lantai bengkel kelak. Jika peralatan dan mesin yang disediakan tidak dimanfaatkan secara optimum dan maksimum sama ada oleh mahasiswa atau staf, itu pembaziran namanya. Orang lain menjana keuntungan dengan wujudnya satu dua alat dan mesin. Tetapi kita yang dikelilingi pelbagai teknologi canggih yang dibeli dengan wang pembayar cukai menjadikan teknologi itu sebagai gajah putih yang hitam dilitupi habuk.

Jika kita menjadi profesor, marilah kita berazam menjadi seperti T. Jules Pelouze yang berpengaruh besar dalam diri Alfred Nobel. Marilah kita memecahkan ibu keringat, tenaga dan otak untuk melahirkan anak didik yang kehadiran mereka memberikan impak yang besar kepada perkembangan dan kesejahteraan agama, bangsa dan negara. Marilah kita mengamalkan sedikit ciri-ciri peribadi Alfred Nobel yang tiada pembantu tetapi dapat membuat beberapa banyak eksperimen dan menghasilkan beberapa banyak kerja dalam sesuatu masa sehingga menjadi jutawan yang tiada bandingannya dalam era kehidupannya. Kita yang mempunyai pelbagai peringkat staf dan setiausaha sewajarnya dapat berbuat lebih baik daripada apa yang pernah dilakukan oleh Nobel.

Di samping itu, rasanya kita tidaklah sesibuk Nobel yang mempunyai berpuluh-puluh syarikat, kilang dan makmal yang hendak dijaga, dan berpuluh juga eksperimen yang hendak dibuat. Lantaran



## *Dinamisme Baru, Wajah Baru*

tentunya kita mampu meluangkan sedikit masa untuk menghadiri aktiviti-aktiviti yang dianjurkan universiti. Marilah kita memimpin para staf menghadiri apa jua aktiviti yang dianjurkan universiti, sama ada aktiviti itu dinamai senamrobik, konvensyen, seminar, ceramah agama, aktiviti kesenian atau apa jua. Setiap satu yang dianjurkan bukan untuk suka-suka semata-mata. Kita menganjurkannya kerana manfaat umum yang dijangka dapat dihasilkan setelah penganjurannya. Yang paling menghairankan dan mengecewakan saya adalah sikap setengah-setengah staf yang dalam aktiviti senamrobik tiada, aktiviti kesenian langsung tidak nampak muka, malah dalam aktiviti agama pun tidak pernah bersua. Saudara-saudara saya, tingkatkanlah komitmen masa saudara untuk menghadiri acara-acara universiti, sama ada saudara bergelar profesor atau pembantu am pejabat.

Wahai rakan-rakan saya yang bergelar warga UniMAP. Hentikanlah segera kerja-kerja luar yang tiada kaitan dengan kepentingan ilmu atau yang tiada kepentingan organisasi. Yang lebih menyedihkan apabila kerja-kerja luar itu mengganggu kerja-kerja di jabatan atau pusat pengajian hingga terbengkalai dan gagal diselesaikan mengikut masa yang ditetapkan. Kelewatan saudara-saudara bukan sahaja menjejaskan potensi jabatan atau pusat pengajian saudara-saudara, tetapi melibatkan semua; melibatkan kecekapan seluruh organisasi. Segeralah pulang ke pangkal jalan sebelum Allah mempersoalkan rezeki yang diberi melalui UniMAP. Sesungguhnya UniMAP dalam usahanya bersaing di persada antarabangsa memerlukan komitmen idea, tenaga dan masa sepenuhnya daripada saudara-saudara semua.

Wahai saudara-saudara yang saya kasihi sekalian, marilah kita berubah dan kita berubah bersama-sama demi kepentingan diri, agama, bangsa dan negara.

### **Cabaran kedua: Menyuburkan minda strategis dan berfikir sebagai juara**

Secara bersama kita telah menciptakan strategi untuk kita mempermantap kedayasaingan UniMAP. Kita telah menyediakan juga dokumen sasaran dan inisiatif strategik meskipun agak terlewat. Biar pun terlewat namun kita telah mempunyai dokumen-dokumen yang diperlukan untuk memandu pergerakan kita selepas ini dalam usaha mencapai matlamat strategik 2010: UniMAP Universiti Terbaik dalam Kelompok Universiti yang "Memuaskan." Oleh sebab itu, saya amat berharap agar semua pemilik objektif, pemilik pengukur, sumber data, pengurus inisiatif, pegawai inisiatif dan wakil-wakil jabatan dan pusat-pusat pengajian yang telah melalui kursus pengurusan strategik dapat memainkan peranan masing-masing dengan sewajarnya. Tarikh-tarikh pengumpulan data hendaklah dipatuhi supaya proses pengumpulan data dapat diefisienkan. Usaha ini amat penting kerana hanya dengan adanya data terkini yang dikumpulkan barulah kita dapat membuat penilaian tentang pencapaian semasa kita. Dalam konteks strategi kita tidak boleh menunggu sehingga hujung tahun baru data dikumpulkan. Jika itu yang kita lakukan maka lambatlah kita mengenalpasti kelemahan dan perkembangan inisiatif yang perlu diusahakan untuk mencapai sasaran yang ditetapkan.



## *Dinamisme Baru, Wajah Baru*

Cabaran seterusnya ialah meneruskan usaha berfikir dan berbincang tentang apa yang hendak dibuat selepas ini. Kita sewajarnya sudah mula memikirkan objektif dan pengukur-pengukur baru untuk dijadikan landasan perancangan 2011-2015. Bermula dari hari ini saya mencadangkan agar kita memperbanyak pembacaan tentang strategi, memahami cara dan kaedah institusi lain yang tersohor melaksana mengurus dan merancang strategi mereka, dan membincangkan konsep-konsep strategi dengan rakan dan staf di jabatan dan pusat-pusat pengajian masing-masing. Hal ini, pada hemat saya, amat penting kerana tanpa komitmen semua staf, saya tidak yakin segala perancangan kita akan berjaya. Semua staf perlu diberi pengetahuan tentang strategi dan dilatih supaya berfikir secara strategik mengikut keupayaan masing-masing di samping melaksana kerja-kerja yang bersifat operasional.

Untuk perkembangan 2011-2015 saya mengharapkan agar kita dapat mengemukakan idea yang lebih bernas, keputusan yang lebih konkrit dan inisiatif yang lebih dinamik supaya kita berupaya menjana dinamisme baru bagi UniMAP. Jangan lupa bahawa pada akhir 2015 kita mahu menjadikan UniMAP sebagai Universiti Terbaik dalam Kelompok Universiti yang Baik atau Terpuji. Jalan di hadapan lebih berliku dan mencabar. Namun, jika semua staf komited dengan cita-cita ini saya yakin kita akan sampai ke destinasi yang kita tuju bersama tanpa banyak dugaan meskipun jalan yang dilalui mungkin dipenuhi onak dan duri. Bersatu kita teguh; berstrategi kita lebih berdikari.

Sebentar tadi kita telah mendengar serba ringkas sejarah perkembangan Caltech. Barangkali Caltech boleh dijadikan sebagai idola UniMAP kerana sifatnya yang berfokus. Beberapa strateginya saya dapati boleh kita jadikan panduan untuk terus berkembang secara dinamik selepas ini. Namun, sebelum kita pergi sejauh itu untuk dijadikan penanda aras, eloklah dalam masa yang terdekat ini kita mengkaji pencapaian universiti-universiti setempat yang hampir sama falsafahnya dengan universiti kita supaya kita dapat mengenalpasti kekuatan dan kelemahan diri berbanding dengan institusi lain. Jika pada tahun lalu kita telah mencapai sasaran yang kita tetapkan, usahlah cepat berpuas hati. Berkemungkinan universiti lain yang kapasitinya menyamai kapasiti kita berproduktiviti lebih tinggi daripada produktiviti yang kita hasilkan. Janganlah kita rasa seronok sendiri kerana mencapai sasaran, sedangkan hakikatnya kita ketinggalan di belakang.

Untuk meneruskan persaingan di dalam dan di luar negara kita perlu bermindia dan berfikir sebagai juara. Sebab itulah saya mengisytiharkan, pada awal ucapan ini, supaya kita menjadi juara perpaduan bangsa dan juara integrasi dan perpaduan kaum. Pada saya, hanya orang yang berfikir sebagai juara berkemungkinan menjadi juara. Dengan konsep juara yang sentiasa bermain dalam ruang minda, barulah kita dapat berusaha untuk menjadi juara dan mengambil tindakan yang sesuai untuk menjadi juara.

Mulai tahun ini kita mahu menjadi juara dalam semua aspek kehidupan dan pertandingan yang kita sertai. Kita mahu mahasiswa menjadi juara. Kita tuntutan staf menjadi juara. Kita mendokong hasrat UniMAP untuk menjadi juara sehingga UniMAP menjadi juara bertaraf dunia. Kita juara dalam





## *Dinamisme Baru, Wajah Baru*

banyak pertandingan sukan sebelum ini. Kita mempunyai strategi yang tersendiri untuk menjadi juara. Selepas ini kita mahu UniMAP menjadi juara akademik, juara penyelidikan, juara komersialisasi, juara ICT, juara endowmen. Kita mahu melihat mahasiswa kita lebih cepat dan lebih banyak yang mendapat perkerjaan, lebih banyak yang menjadi usahawan, dan lebih banyak yang menjadi sukarelawan. Selepas ini rangkakanlah strategi yang lebih kompetitif, usahakanlah pembangunan sumber dan modal insan yang lebih efektif, dan ciptakanlah cara dan gerak kerja yang lebih efektif dan efisien supaya kita menjadi juara dalam semua aspek, insya-Allah. Tetapi jika kita tiada perancangan ke arah itu, akan kekallah kita di tahap ini sahaja. Bukan sahaja Caltech tidak dapat disaingi, diragui kelak dengan tiadanya hasrat menjadi juara, tidak berminda juara, tidak bertindak untuk menjadi juara, universiti yang lebih muda daripada kita pula yang akan memperlekeh pencapaian kita. Relakah saudara-saudara diperlekeh universiti yang lebih muda?

### **Cabaran ketiga: Meningkatkan imej akademik dan dinamisme anggota fakulti**

Sehingga ke hari ini kita telah mempunyai enam program akademik peringkat diploma, 19 program peringkat ijazah pertama dan 14 program peringkat pascasiswazah. Daripada segi bilangan program ijazah pertama kita mendahului beberapa buah universiti yang lebih lama. Kita bercadang menambahkan 11 program ijazah pertama lagi supaya menjadi 30 semuanya. Dalam tahun ini juga kita akan menerima mahasiswa sulung program Ijazah Sarjana Muda Keusahawanan Kejuruteraan yang buat sementara ini kita letakkan di bawah Pusat Kemahiran Komunikasi dan Keusahawanan dahulu. Sukacita ditegaskan bahawa meskipun Caltech ialah universiti yang berfokuskan sains tabii dan kejuruteraan, namun universiti itu tetap mempunyai fakulti sains sosial dan kemanusiaannya yang menawarkan beberapa banyak program akademik yang relevan. Ini menunjukkan bahawa keputusan menawarkan program keusahawanan di universiti yang berfokuskan kejuruteraan seperti yang kita laksana bukanlah keputusan yang di luar tabii. Inilah adalah antara tanda kita bertingkah sebagai juara namanya. Daripada segi bilangan program akademik saya tidak sangsi yang kita akan mencapai apa yang kita sasarkan.

Namun, cabaran yang menanti di hadapan kita ialah bagaimana kita hendak menaikkan imej program akademik kita? Yang perlu kita fikirkan sekarang ialah cara untuk meningkatkan bilangan pelajar terbaik yang memilih UniMAP sebagai pilihan pertama. Dan, apabila mereka ditawarkan tempat di universiti ini mereka tidak sangsi untuk mendaftar kerana mereka tahu bahawa mereka akan menimba ilmu dengan ilmuan tersohor. Yang mahu kita nikmati ialah apabila para pelajar kelas pertama ditawarkan tempat di PPK Bahan, maka berbondong-bondong mereka datang. Apabila ditawarkan tempat di PPK Mikroelektronik, maka, jika ibu bapa mereka perlu bergolok-bergadai pun, mereka sanggup membelah lautan. Jika mereka ditawarkan tempat di universiti lain pun, nescaya mereka pantas menolaknya kerana mereka arif bahawa program di PPK Komputer dan



## *Dinamisme Baru, Wajah Baru*

Perhubungan adalah yang terbaik di rantau ini. Ini sekadar contoh sahaja. Janganlah para dekan dan anggota fakulti yang nama PPKnya tidak disebut berasa tersinggung pula. Jika saya hendak sebut semua nama, nescaya sampai petanglah kita di sini.

Tetapi, alangkah tinggi nikmatnya jika nama PPK anda menjadi pilihan dan rebutan ribuan pelajar yang dahaga akan ilmu. Apalah sangat impaknya jika saya yang menyebutnya. Saudara-saudara pilihlah opsyen bahawa seluruh pelajar terbaik di negara dan rantau ini menyebut-nyebut nama PPK anda sebagai yang paling berprestij. Anda pilihlah opsyen bahawa mereka berebut-rebut untuk mendapatkan tempat di PPK anda. Pada ketika itu kelak, nikmatilah makna ayat ini: Maaf permohonan anda ditolak kerana tempat pengajian terhad. Dan, permohonan yang anda tolak itu datangnya daripada pelajar kelas pertama dari luar negara. Inilah imej yang hendak kita bina bersama. Tetapi, bagaimana dan bila kita hendak mewujudkan keadaan seumpama itu? Apa pula strategi kita dalam usaha menarik pelajar antarabangsa, khususnya penuntut pascasiswazah?

Imej akademik yang sedemikian rupa tidak datang bergolek. Imej itu tidak terbina oleh peratusan siswazah yang mendapat pekerjaan adalah tinggi semata-mata. Imej itu akan terbina hanya apabila banyak ilmuan tersohor, jurutera terbilang dan usahawan cemerlang dilahirkan dari rencah didikan, bimbingan dan panduan anggota fakultinya. Ketersohoran anggota fakultinya menjadi kriteria utama. Ketersohoran itu hanya akan terbina jika setiap anggota fakultinya dapat menghasilkan buku yang menjadi rujukan di seluruh dunia kerana terkinian ilmunya yang ditimba daripada pengalaman dan aktiviti penyelidikan. Ketersirnaan imej itu hanya akan terbit jika anggota fakultinya aktif menulis pelbagai bahan akademik dan polisi, dan menjadi rujukan badan dunia. Bukan seorang, tetapi berpuluh-puluh orang atau mungkin beratus-ratus orang diperlukan untuk membina imej seumpama itu. Kita tahu bahawa usaha untuk melahirkan ilmuan yang tersohor dan tersirna ini mengambil masa yang agak lama, namun apa strategi kita? (Saya ulangi bahawa Caltech pada masa ini mempunyai 900 orang mahasiswa praiajazah, 1,300 orang penuntut pascasiswazah, dan lebih daripada 1,000 orang anggota fakulti termasuk 293 orang profesor, 104 orang profesor emiritus, 66 orang anggota fakulti tetap yang hanya membuat kerja-kerja penyelidikan, 87 orang pensyarah tamu, dan lebih daripada 500 orang ilmuan pascadoktoral). Apakah inisiatif baru yang perlu diusahakan untuk menarik lebih banyak ilmuan tersohor berkhidmat di universiti ini seperti yang diamalkan oleh Caltech sejak awal lagi?

Kaedah pengajaran juga menjadi faktor penentu. Hari ini ialah era pengajaran dan pembelajaran berpusatkan pelajar dengan pelaksanaan pembelajaran berasaskan kumpulan: pembelajaran koperatif, pembelajaran berasaskan masalah, pembelajaran berasaskan projek dan pelbagai kaedah dan teknik lagi. Sudahkah para tenaga akademik kita menguasai kaedah dan teknik ini? Harvard terkenal dengan kaedah kajian kesnya. Kita mahu terkenal dengan kaedah apa pula? Untuk bersaing kita mesti berfikir dengan seriusnya untuk menawarkan sesuatu yang *distinct*; yang berbeza dan istimewa berbanding dengan yang ditawarkan oleh institusi lain. Misalnya, jika kita



## *Dinamisme Baru, Wajah Baru*

mengajarkan para mahasiswa keusahawanan dengan kaedah biasa, apa bedanya program keusahawanan kita dengan program keusahawanan di institusi lain? Untuk melahirkan usahawan yang berkesan bukannya seperti melahirkan kursus-kursus yang biasa kita lalui. Untuk membina minda kreatif, inovatif, futuristik, selektif; dan paradigma yang berdaya saing dan berdaya tahan memerlukan kaedah dan pendekatan pengajaran-pembelajaran yang baru, segar dan distingtif. Di Caltech, falsafah, kaedah dan pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang diamalkan agak berbeza dan menarik untuk direnungi. Pada titik ini saya mahu saudara-saudara menelaah sedikit sejarah Caltech lebih lanjut dan cuba menimba pengalaman mereka jika ada yang sesuai dimanfaatkan di universiti kita.

Saya yakin bahawa masih banyak yang perlu kita lakukan untuk meningkatkan imej akademik kita. Pada hemat saya, yang agak mendesak, selain daripada yang disebut di atas, ialah keperluan latihan kepemimpinan akademik bagi bakal pemimpin universiti. Pada hari ini, apabila kita merasakan bahawa seseorang pensyarah itu ada kualiti yang kita harapkan atau terserlah sedikit bakat kepemimpinannya, maka beliau pun dilantik menjadi pengerusi rancangan, timbalan dekan, dekan dan akhirnya dalam beberapa tahun diberi kepercayaan memegang jawatan yang lebih penting pula. Tetapi, bagaimana mereka dapat menjalankan tugas dengan efisien dan efektif jika tidak diberi latihan? Kita mungkin bernasib baik hari ini kerana mempunyai para dekan yang cepat belajar, bermotivasi tinggi, berdedikasi dan dinamik. Bagaimana pada masa hadapan? Jangan lupa bahawa kebanyakan, malah dapat dikatakan hampir semua yang berada di hadapan saya hari ini tidak pernah pun dilatih untuk menjadi pentadbir akademik. Jika kita mahu menjadi berkesan pada masa akan datang, saya berpendapat bahawa jurang ilmu pengurusan dan pentadbiran akademik ini perlu dikurangkan.

Saya sedar bahawa saya tidak mungkin akan menongkat langit sebagai naib canselor di universiti yang saya sayangi ini. Suatu hari kelak, saya dan saudara-saudara yang seumur dengan saya akan membasuh tangan sebelum membasuh kaki. Jika bukan saudara-saudara yang lebih muda mengambil alih kepemimpinan universiti ini, siapa lagi? Tetapi, sudahkah saudara-saudara mempersiapkan diri mengendali industri yang sudah bernilai lebih daripada satu bilion ini untuk menjadikannya setara dengan Caltech? Jika bukan Caltech pun, sekurang-kurangnya universiti terbaik di dalam negara dan antara 500 buah universiti terbaik di seluruh dunia.

### **Cabaran keempat: Memperkukuh budaya penyelidikan, inovasi dan komersialisasi**

Aktiviti penyelidikan, inovasi dan komersialisasi UniMAP masih berapa di tahap awal. Perolehan geran kita masih turun naik kerana bergantung kuat pada peruntukan kerajaan persekutuan melalui pelbagai agensi. Institut Kejuruteraan Nano Elektronik (INEE) diberitakan telah mula mengorak langkah membawa masuk beberapa orang pakar luar untuk meningkatkan imejnya. Bilangan paten



## *Dinamisme Baru, Wajah Baru*

yang sedang diusahakan semakin bertambah juga. Mari kita terus berdoa agar jurnal-jurnal yang kita terbitkan dapat diterima masyarakat ilmuan dunia sebagai jurnal berimpak faktor. Tahniah!

Demi meningkatkan semangat dan kemahuan staf yang mahu meningkatkan imej universiti dalam apa jua bidang, akan saya sokong sepenuhnya. Saya bersedia membantu sesiapa sahaja terutama dalam usaha meningkatkan aktiviti dan kualiti penyelidikan kita. Baru-baru ini saya berjanji untuk menambahkan dana geran penyelidikan jangka pendek dan *seed money* untuk kluster; saya bersedia menambahkan imbuhan kewangan bagi setiap penulisan yang diterbitkan dalam jurnal yang ada *impact factor*. *Graduate research assistant* (GRA) telah bertambah untuk menarik minat lebih banyak penuntut pascasiswazah terutamanya dari luar negara. Dengan izin Allah, kita akan melaksana segala janji demi memperkukuh budaya penyelidikan di gedung penyelidikan ini.

Saya yakin bahawa kebanyakan saudara akan menjadi penyelidik yang berjaya. Tetapi, sekali lagi, persoalannya ialah apakah usaha-usaha jangka panjang yang perlu difikirkan dan dilaksana untuk melahirkan tokoh seperti Alfred Nobel? Apakah inisiatif-inisiatif baru yang mahu dilaksana untuk melahirkan para penyelidik yang mempunyai dinamisme ulung? Setebal mana kita berjiwa penyelidik sehingga di rumah pun kita membuat eksperimen seperti yang dicontohkan oleh Nobel. Selama manakah kita berdaya tahan, berdaya juang, mempunyai *passion and patient* untuk meneruskan aktiviti penyelidikan. Bagaimana jika kita tidak ada peruntukan penyelidikan yang besar pada tahun ini kerana kelembaban ekonomi? Akan terhenti dan terbantutkah aktiviti penyelidikan kita? Berapakah hasil penyelidikan kita yang sudah memberikan impak kepada masyarakat setempat, di dalam negara dan di seluruh dunia seperti yang dihasilkan oleh Nobel dan para penyelidik Caltech. Betul kita masih muda. Tetapi, di manakah garisan yang memisahkan antara umur muda dengan umur tua dalam dunia penyelidikan?

Sebelum ini, saya sudah menyebut tentang usaha untuk melahirkan Nobel Laureate, mungkin 30 atau 40 tahun dari sekarang. Tetapi siapa yang menyahut seruan saya itu dengan inisiatif-inisiatif awal ke arah pelahiran tokoh itu dari perut UniMAP? Apakah polisinya, apakah kriterianya, siapakah orangnya, apakah bidang penyelidikannya, berapakah kosnya, ke manakah calon yang layak perlu dihantarkan berlatih, siapakah yang dapat membantu beliau untuk sampai ke tahap itu lebih cepat daripada yang dijangka? Ada banyak lagi pertanyaan yang dapat dikemukakan. Jadi, yang penting ialah strategi kita, persediaan kita, inisiatif baru kita dan ketahanan mental, jiwa dan fizikal kita. Sudah bersediakah kita melahirkan Nobel Laureate?

Saudara-saudara, mengingati masa lampau tidak salah. Merindui masa lampau yang diwarnai kejayaan kadangkala dapat membantu meningkatkan motivasi. Tetapi, dalam konteks kita hendak membina dinamisme baru dalam apa jua aktiviti yang wajar kita tangani, kita perlu realistik. Kita perlu melihat ke hadapan lebih banyak daripada meraikan kejayaan kecil dan besar yang diperoleh hari ini. Apa jua yang kita lakukan hari ini banyak yang baik daripada yang buruk. Hal ini pasti. Tetapi kita jangan alpa bahawa yang hendak kita hadapi ialah masa depan yang tidak bebas



## *Dinamisme Baru, Wajah Baru*

daripada cabaran dan halangan yang bukan calang-calang dugaannya.

Usahlah menganggap gesaan dan pertanyaan saya ini sebagai usaha untuk memperkecil usaha-usaha yang telah kita lakukan bersama. Cuma, tugas saya pada hari ini lebih banyak hendak saya tumpukan untuk membina asas-asas paradigma baru yang saya harapkan dapat dijadikan platform lepas landas yang lebih kukuh dan mantap dalam usaha kita mendepani cabaran masa di hadapan kita. Telah banyak tahun kita meraikan majlis ucaptama ini dengan mengisytiharkan kejayaan lampau kita. Tetapi hari ini saya mahu mengajak saudara-saudara berpijak di alam realiti hari ini supaya kita pantas memikirkan apa yang wajar dilaksana pada masa akan datang demi membina UniMAP dengan dinamisme baru, wajah baru; dinamisme Caltech dan wajah Nobel agaknya!

### **Cabaran kelima: Melestarikan budaya enterpris dan menjana kewangan**

Sempena penawaran program keusahawanan kejuruteraan dalam semester hadapan, rasanya amat bermanfaat juga, jika mulai hari ini, kita mula bercakap tentang budaya enterpris selain daripada bercakap tentang teori kejuruteraan semata-mata. Dunia enterpris ialah dunia praktis. Sebab itulah siswazah yang mendapat CGPA 4.00 ada yang tidak berjaya dalam perniagaan. Sebaliknya, ada orang yang tidak pernah mempelajari kursus keusahawanan dan perniagaan berupaya menjadi jutawan. Tetapi, saya berpendapat bahawa tugas kita ialah melahirkan usahawan atau ahli perniagaan yang berilmu. Kalau dia berjaya kerana ilmunya, dan kalau dia gagal pun ia dapat menggunakan ilmunya untuk menciptakan kejayaan dalam usaha-usaha seterusnya. Tetapi, bagaimana kita hendak berkongsi dengan mahasiswa tentang dunia keusahawan atau perniagaan jika kita tidak pernah menggunakan istilah keusahawanan dan perniagaan dalam kehidupan kita. Kita bolehlah bercakap tentang teori, tetapi teori mempunyai batasannya yang tersendiri. Kadangkala pengalaman didapati lebih bermanfaat dan lebih baik daripada teori.

Sebab itulah saya mewajibkan semua pensyarah menghadiri kursus keusahawanan. Tujuannya adalah supaya dapat menganjukkan paradigma kita daripada menjadi pensyarah yang bertujuan mengajar sahaja; dan membuat penyelidikan kerana perlu membuat penyelidikan semata-mata. Untuk bersaing pada masa akan datang universiti perlu menjana kewangannya sendiri secara dalaman. Yang kita nampak pada hari ini kewangan dapat dijana hanya melalui aktiviti perundingan. Jika inilah yang akan kita tumpukan, saya yakin sampai bila pun kita tidak berupaya menjana meskipun satu peratus daripada peruntukan tahunan yang kita peroleh daripada kerajaan, sedangkan kerajaan meminta kita menjana kewangan sendiri sekitar 25% daripada peruntukan dalam tahun 2010. Maknanya, jika peruntukan yang kita mohon RM100 juta, maka kita kena jana sendiri sekitar RM25 juta. Untuk mendapatkan keuntungan bersih selepas cukai sebanyak RM25 juta dan mengandaikan keuntungan bersih kita sebanyak 10%, maka kita perlu menjana pendapatan



## *Dinamisme Baru, Wajah Baru*

sekitar RM250 juta. Kalau kiraan saya ini tepat, kita perlu bertanya: dapatkah kita menjana pendapatan sebanyak RM250 juta setahun dengan hanya menawarkan kerja-kerja perundingan.

Sebab itulah acapkali saya menggesa agar saudara-saudara meningkatkan kefahaman tentang perniagaan dan keusahawanan. Budaya entepris ditandai oleh *imagination, initiative, and readiness to undertake new projects; displaying bravery and daring in the attempt of some task; being very able and ingenious in business dealings; readiness to embark on bold new ventures*. Ini sebahagian daripada maknanya. Jika kita ada paradigma ini dalam minda kita, maka dapatlah kita melihat sesuatu yang kita lakukan sekarang dalam konteks penjana kewangan. Jika kita membuat penyelidikan, kita fikirkan juga cara hendak menjual produk penyelidikan itu akhirnya. Kita tahu cara hendak memasarkannya, di mana nak dijual dan siapa yang berminat membelinya. Jika kita ada mesin dan teknologi, kita tahu apa yang boleh dikeluarkan dengan penggunaan mesin itu yang akhirnya kita dapat menambahkan pendapatan daripadanya. Jika kita ada kepakaran, kita tahu menggunakan kepakaran itu untuk menjana kewangan. Jika kita ada program akademik yang baik, kita berupaya menanggung wang yang banyak daripada program itu. Inilah yang cuba kita lakukan apabila melihat produk penyelidikan yang kita hasilkan; kepakaran, teknologi dan program akademik yang kita miliki. Inilah yang bermain-main di kepala apabila kita menyedari bahawa banyak jurutera yang dahaga akan ilmu di sekitar wilayah utara negara kita. Kualiti ilmu yang disampaikan mesti dipertahan tanpa tolak-ansur, tetapi dalam masa yang sama kita berupaya menjana pendapatan daripada segala kualiti yang kita miliki. Inilah sedikit gambaran tentang kualiti baru pensyarah dan staf yang mahu kita jana dan budayakan: berminda dan berbudaya enterpris dan keusahawanan.

Dana atau tabung endomen merupakan suatu lagi sumber yang perlu difikirkan secara serius selepas ini. Caltech dikatakan mempunyai sekitar USD1.7 bilion wang endowmen yang dikumpulkan daripada pelbagai sumber dan pelbagai cara untuk pelbagai kegunaan. Oxford University dikatakan mempunyai sekitar £3.6 bilion endowmen, dan Harvard University diberitakan memiliki sekitar USD30 bilion. Jika dimasukkan ke dalam simpanan tetap wang sejumlah USD30 bilion dengan kadar keuntungan 5 peratus setahun, maknanya Harvard dapat menjana sekitar USD1.5 bilion (sekitar RM5 bilion). Nilai ini merupakan lebih daripada tiga kali ganda perbelanjaan yang telah kita keluarkan untuk membangunkan dan mengurus UniMAP selama tujuh tahun ini.

Benarlah Caltech, Oxford dan Harvard telah lama wujud dan wajarlah institusi itu kaya-raya. Benarlah mereka mempunyai alumni yang terdiri daripada beberapa banyak jutawan. Benarlah mereka mempunyai nama dan prestij yang dapat menarik banyak penderma atau filantropis. Jika itu sebabnya mereka kaya, maka kerana itu jugalah kita menggesa saudara-saudara supaya melahirkan siswazah dan usahawan yang berkualiti tinggi. Dengan adanya alumni yang kaya-rayalah kita dapat meminta mereka memberikan sumbangan demi perkembangan ilmu dan universiti pada masa akan datang.



## *Dinamisme Baru, Wajah Baru*

Apa pun saya berharap agar saudara-saudara nampak akan logik di sebalik gesaan saya selama ini. Jadi, kita perlu segera menubuhkan dana endowmen kita mulai sekarang supaya pada masa akan datang kita tidak perlu bergantung sangat pada peruntukan kerajaan seperti yang dirancang oleh KPT. Saya sedar bahawa kita belum ada alumni yang kaya-raya, tetapi jika itu statusnya sekarang bila kita hendak mewujudkan tabung itu? Adakah hendak menunggu siswazah kita menjadi jutawan terlebih dahulu? Bila? Saya mencadangkan supaya tabung itu disediakan dahulu. Selepas itu, kita cari pelbagai cara dan jalan untuk mengisi tabung itu sementara menunggu alumni kita menderma. Saya percaya bahawa di mana ada kemahuan, di situ ada jalan. Saya yakin kita mampu melaksananya jika kita bersatu hati dan memanfaatkan sinergi dalam kalangan kita. Berfikiran positiflah kerana jika kita berfikiran positif, sebahagian daripada kejayaan sudah berada di dalam genggaman, kata Napoleon Hill dan W. Clement Stone dalam buku mereka yang bertajuk *Success Through a Positive Mental Attitude*.

### **Cabaran keenam: Melebarluaskan jaringan dan pengantarabangsaan**

Sedikit tentang peluasan jaringan (*network*) dan pengantarabangsaan. Kita dapati bahawa Immanuel Nobel berkawan dengan Tsar, raja Rusia dan para jeneralnya; sementara Alfred Nobel menguasai lima bahasa. Jaringan yang ada itulah yang menjadikan beliau maju berniaga. Penguasaan bahasa itulah yang memudahkannya menjalankan perniagaan. Jadi saya nampak bahawa jika kita mahu cepat mengangkat nama UniMAP di peta dunia, kita perlu mempunyai jaringan yang luas, dan jika berupaya belajarlah lebih banyak bahasa. Manfaatkan staf kita yang menguasai bahasa-bahasa antarabangsa apabila kita hendak berhubung dengan negara-negara luar. Sebab itulah saya menggalakkan staf kita mempelajari bahasa asing. Manfaatnya banyak.

Dengan adanya jaringan yang merata dan meluas, dan keupayaan dan kompetensi berbahasa antarabangsa, mudahlah kita menarik lebih banyak ilmu antarabangsa berkhidmat dengan kita; mudahlah kita meyakinkan dan menambahkan penuntut antarabangsa; mudahlah kita menjual produk yang kita keluarkan; mudahlah kita mengurus perniagaan; dan mudahlah kita menambahkan dana endowmen. Jika segala-galanya ternyata mudah, maka akhirnya jika wang kita banyak, maka semakin mudahlah kita hendak berbuat apa jua demi kebaikan bukan sahaja kepada UniMAP, malah kepada agama, bangsa, negara.

Tetapi kerja ini bukan mampu dilaksana oleh seorang dua sahaja. Janganlah diharapkan CIC dan CIA sahaja yang melaksananya. Jika tidak terlaksana, mereka yang tidak berjaya. Jika berjaya, itu sudah kerja mereka. Berjaya atau gagalannya sesuatu unit/jabatan/pusat pengajian ialah kejayaan dan kegagalan kita bersama, kita semua. Oleh sebab itu, sesiapa jua yang ada jaringan peribadi dengan sesiapa sahaja yang dapat membantu kita, silalah tampil berkongsi jaringan itu untuk manfaat bersama. Hakikatnya kita mesti melaksana apa jua dalam satu pasukan. Steven R. Covey mengajar



## *Dinamisme Baru, Wajah Baru*

kita supaya bersinergi dan berpegang pada konsep *win-win* untuk berjaya. Jadi, manfaatkanlah pengetahuan itu untuk berjaya. Apa gunanya ilmu, pengetahuan dan jaringan jika tidak dimanfaatkan? Dengan cara ini barulah kita akan dapat merasa nikmat kejayaan sepanjang masa. Jika satu projek gagal, ada banyak projek lagi yang dapat kita harapkan kejayaannya. Jika kita gagal, ada banyak lagi rakan yang barangkali dapat membantu kita menciptakan kejayaan.

### **Cabaran ketujuh: Meningkatkan kualiti sistem penyelenggaraan**

Yang terakhir buat kali ini ialah cabaran membudayakan aktiviti dan kualiti penyelenggaraan. Saya bersyukur bahawa pada tahun lalu kita berjaya mengurangkan bil utiliti sebanyak 23 peratus daripada perbelanjaan tahun sebelumnya. Tahniah! Ini menjadi bukti bahawa jika kita bersedia, serius dan komited untuk melakukan sesuatu, insya-Allah kita akan berjaya. Tiada perkara yang mustahil di dalam dunia ini, kecuali kita hendak menjadi nabi dan tuhan dalam konsepnya yang hakiki.

Bagaimanapun saya berasa amat gembira membaca maklumat yang diberikan itu, namun saya merasakan bahawa masih banyak lagi ruang untuk kita berbelanja secara berhemat. Perbelanjaan berhemat bermaksud kita berbelanja untuk perkara-perkara yang diperlukan; kita perlu berjimat untuk mengurangkan perbelanjaan; dan kita perlu mengelak daripada pembaziran. Lazimnya pembaziran berlaku kerana kita tidak prihatin dengan usaha penyelenggaraan. Misalnya, jika kerusi meja yang telah digunakan dalam sesuatu program dibiarkan berhujan berpanas, maka itu pembaziran namanya. Jika enjin kereta tidak diselenggarakan mengikut jadual, itu pembaziran namanya. Jika kerosakan kecil tidak dibaiki segera, itu pembaziran juga nama. Jika peralatan elektronik tidak diperiksa mengikut ketetapan yang diberikan, saudara mengamalkan pembaziranlah juga. Maksud saya, kerusi meja yang berhujan berpanas akan mudah rosak kerana daya tahannya tidaklah begitu terjamin. Jika enjin kereta tidak diselenggarakan dengan baik, semakin cepatlah kemungkinannya untuk rosak. Dan begitu jugalah alat-alat lain.

Jadi, sebelum kita terus membeli peralatan baru untuk keperluan melaksana kerja kita, saya menyarankan supaya aktiviti penyelenggaraan ini dibudayakan dalam kalangan semua staf. Ketua-ketua jabatan mestilah memainkan peranan utama untuk memastikan pembaziran tidak berlaku. Jika sebuah dua kerusi rosak bolehlah kita ganti. Tetapi jika setiap tahun kita perlu mengganti beratus-ratus buah kerusi, berpuluh-puluh buah kenderaan, dan beratus-ratus peralatan dan mesin lain yang belum tamat tempoh untuk dihapus kira, di mana kita hendak mencari wang untuk menggantinya. Jika ada wang pun, bukankah elok jika wang itu digunakan untuk membeli alat atau menyediakan kemudahan lain yang belum ada. Apabila peralatan yang diperlukan tidak berupaya diganti kerana universiti tidak mempunyai peruntukan, siapakah yang susah akhirnya. Kita semua akan menghadapi kesulitan, dan UniMAP juga yang menerima bahana akhirnya.





## *Dinamisme Baru, Wajah Baru*

kita supaya bersinergi dan berpegang pada konsep *win-win* untuk berjaya. Jadi, manfaatkanlah pengetahuan itu untuk berjaya. Apa gunanya ilmu, pengetahuan dan jaringan jika tidak dimanfaatkan? Dengan cara ini barulah kita akan dapat merasa nikmat kejayaan sepanjang masa. Jika satu projek gagal, ada banyak projek lagi yang dapat kita harapkan kejayaannya. Jika kita gagal, ada banyak lagi rakan yang barangkali dapat membantu kita menciptakan kejayaan.

### **Cabaran ketujuh: Meningkatkan kualiti sistem penyelenggaraan**

Yang terakhir buat kali ini ialah cabaran membudayakan aktiviti dan kualiti penyelenggaraan. Saya bersyukur bahawa pada tahun lalu kita berjaya mengurangkan bil utiliti sebanyak 23 peratus daripada perbelanjaan tahun sebelumnya. Tahniah! Ini menjadi bukti bahawa jika kita bersedia, serius dan komited untuk melakukan sesuatu, insya-Allah kita akan berjaya. Tiada perkara yang mustahil di dalam dunia ini, kecuali kita hendak menjadi nabi dan tuhan dalam konsepnya yang hakiki.

Bagaimanapun saya berasa amat gembira membaca maklumat yang diberikan itu, namun saya merasakan bahawa masih banyak lagi ruang untuk kita berbelanja secara berhemat. Perbelanjaan berhemat bermaksud kita berbelanja untuk perkara-perkara yang diperlukan; kita perlu berjimat untuk mengurangkan perbelanjaan; dan kita perlu mengelak daripada pembaziran. Lazimnya pembaziran berlaku kerana kita tidak prihatin dengan usaha penyelenggaraan. Misalnya, jika kerusi meja yang telah digunakan dalam sesuatu program dibiarkan berhujan berpanas, maka itu pembaziran namanya. Jika enjin kereta tidak diselenggarakan mengikut jadual, itu pembaziran namanya. Jika kerosakan kecil tidak dibaiki segera, itu pembaziran juga nama. Jika peralatan elektronik tidak diperiksa mengikut ketetapan yang diberikan, saudara mengamalkan pembaziranlah juga. Maksud saya, kerusi meja yang berhujan berpanas akan mudah rosak kerana daya tahannya tidaklah begitu terjamin. Jika enjin kereta tidak diselenggarakan dengan baik, semakin cepatlah kemungkinannya untuk rosak. Dan begitu jugalah alat-alat lain.

Jadi, sebelum kita terus membeli peralatan baru untuk keperluan melaksana kerja kita, saya menyarankan supaya aktiviti penyelenggaraan ini dibudayakan dalam kalangan semua staf. Ketua-ketua jabatan mestilah memainkan peranan utama untuk memastikan pembaziran tidak berlaku. Jika sebuah dua kerusi rosak bolehlah kita ganti. Tetapi jika setiap tahun kita perlu mengganti beratus-ratus buah kerusi, berpuluh-puluh buah kenderaan, dan beratus-ratus peralatan dan mesin lain yang belum tamat tempoh untuk dihapus kira, di mana kita hendak mencari wang untuk menggantinya. Jika ada wang pun, bukankah elok jika wang itu digunakan untuk membeli alat atau menyediakan kemudahan lain yang belum ada. Apabila peralatan yang diperlukan tidak berupaya diganti kerana universiti tidak mempunyai peruntukan, siapakah yang susah akhirnya. Kita semua akan menghadapi kesulitan, dan UniMAP juga yang menerima bahana akhirnya.



## *Dinamisme Baru, Wajah Baru*

Saya merayu supaya semua staf meningkatkan budaya menyelenggara. Kerja ini bukannya kerja jabatan pembangunan sahaja, budaya menyelenggara sewajarnya menjadi budaya kerja kita semua. Ingatilah bahawa Allah tidak suka akan perbuatan membazir. Sebab itulah dikatakan bahawa pembaziran itu kerja syaitan. Saya pasti kita bukan daripada jenis manusia seumpama itu. Berjimat dan berhematlah kerana Allah suka kepada hambanya yang berjimat dan berhemat.

Saudara-saudara para hadirin yang disayangi dan dihormati.

Bermadah saya sudah, bercerita pun sudah. Berhenti sahaja yang belum. Jadi, sebelum saudara-saudara menyuruh saya berhenti, eloklah saya mengangkat kaki. Tetapi sebelum saya mengundurkan diri, marilah kita semua bersatu hati menghulurkan apa jua yang terdaya mengikut kemampuan diri dengan dinamisme baru untuk menciptakan wajah baru UniMAP si buah hatiku. Terimalah seuncang petikan kata-kata mutiara sebagai titipan buat bekal perjalanan, ingatan dan dijadikan asas muhasabah diri:

Jikalau cerdik, teman berunding; jikalau mu'alim, hendakkan doa  
Jikalau kaya, hendakkan emas; jikalau patah, penghalau ayam  
Jikalau buta, penghembus lesung; jikalau pekak, pembakar bedil  
Jikalau bodoh, disuruh diarah  
Tinggi banir, tempat berlindung; rimbun dahan, tempat bernaung.

Terima kasih.

Wabillahi taufiq wal hidayah      والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Nota hujungan:

- <sup>1</sup> Maklumat-maklumat ini dipadankan dengan maklumat-maklumat yang diperolehi daripada Ringertz, Nils. (n.d). Alfred Nobel His life and work; Frangsmyr, Tore. (1996). Life and philosophy of Alfred Nobel; Tagil, Sven. (n.d). War and peace in the thinking of Alfred Nobel; dan Gozzo, Lorenette (n.d). Sanremo The final years yang dicapai dalam <http://nobelprize.org/> pada 7 Januari 2008.
- <sup>2</sup> Maklumat-maklumat ini dipadankan dengan maklumat-maklumat yang diperolehi daripada Goodstein, Judith. (1998). History of Caltech dalam <http://nobelprize.org/> pada 7 Januari 2008.

## *Sehalung Penghargaan*

Universiti Malaysia Perlis

merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih dan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung untuk menjayakan

**UCAPTAMA TAHUNAN NAIB CANSELOR 2009**

*Terima Kasih*